



Sosialis



RUMAH UNTUK RAKYAT BUKAN UNTUK KEUNTUNGAN

Baca lanjut di m/s 8 & 9



**PSM kemuka
cadangan perbaiki
RUU Sistem
Insurans Pekerjaan**

> m/s 10



**Kenapa
perlunya
alternatif
kiri?**

> m/s 6

**Kerja rumah
juga kerja**

> m/s 11

**Pilihanraya
Jerman**

> m/s 13

Undi PSM buat apa?

baca lanjut di m/s 4

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan lambang

Lambang parti ialah geng-gaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat PSM

- Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokradi dan kepalsuan.
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya.
- Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

- Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.
- Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank:
512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.



DARI MEJA PENGARANG

Jelajah PSM Menuju PRU-14 sedang berlangsung di kawasan-kawasan yang bakal ditanding PSM. Sambutan daripada orang ramai sepanjang program Jelajah ini amat menggalakkan. Memang wujudnya pandangan rakyat bahawa kita perlukan calon-calon pilihanraya yang boleh dipercayai untuk berkhidmat pada rakyat, membina kuasa rakyat dan memperjuangkan perubahan yang memanfaatkan rakyat.

PSM walaupun masih merupakan sebuah parti yang kecil, tetapi aktivis-aktivis PSM telah giat menggerakkan kerja-kerja membantu rakyat dan membina kuasa rakyat tanpa mengerti kepenatan. PSM sentiasa berusaha memperkasakan rakyat dalam proses memperjuangkan hak rakyat.

Politikus-politikus yang menjaga sistem yang sedia ada, sentiasa cuba mewujudkan kebergantungan rakyat biasa kepada elit-elit politik untuk menentukan nasib mereka. Berbeza dengan pendekatan yang menyekat kebangkitan rakyat yang diamalkan oleh elit-elit politik, PSM cuba memecahkan kebergantungan ini dengan membina keyakinan rakyat untuk menentang ketidakadilan dan mewujudkan keyakinan untuk mengubah nasib sendiri secara berorganisasi bersama.

Rakyat Malaysia sedang dilanda pelbagai kemelut kehidupan,

termasuklah gaji rendah, masa kerja yang berpanjangan, ancaman kehilangan kerja akibat krisis ekonomi, ketidakmampuan untuk memiliki rumah sendiri dan sebagainya. Namun, golongan pemerintah yang menguasai kekayaan negara kita sentiasa mengalihkan perhatian kita kepada isu-isu perkauman dan agama yang memecah-belahkan rakyat. Apabila rakyat dipecah-belahkan oleh isu-isu perkauman dan agama, maka adalah sukar untuk rakyat biasa berpakat bersama untuk memperjuangkan isu-isu asas yang berkait rapat dengan kualiti kehidupan semua orang tanpa mengira kaum dan agama.

Rakyat Malaysia perlu membebaskan diri kita daripada cengkaman politik perkauman dan agama yang bersifat memecah-belahkan rakyat, supaya kita dapat membina kuasa rakyat yang sebenar untuk mencabar kekuasaan golongan pemerintah yang membolot kekayaan masyarakat kita. Hanya dengan membina kuasa rakyat dari bawah, rakyat biasa dapat mewujudkan alternatif yang benar-benar menjamin kesejahteraan bersama semua orang yang hidup di bumi Malaysia. Namun, tiadanya jalan pintas untuk membina kuasa rakyat, tiadanya jalan pintas dengan hanya membuat pakatan antara golongan elit politik dan kemudian mengharapkan keajaiban. Perubahan sebenar hanya terjadi dengan kerja-kerja pendidikan politik dan organisasi rakyat biasa yang berterusan. ##

Langganlah Akhbar Sosialis sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

E-mel: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama
PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

140A, Jalan Sultan Abdul Samad,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel/Faks: 03-22762247

E-mel: pusat@partisosialis.org

Laman web: <http://partisosialis.org/>



Malam Salam Perjuangan PSM Perak

PSM Perak telah menganjurkan program Malam Salam Perjuangan pada 23 September lalu di Ipoh.

Program ini diadakan untuk mengutip dana perjuangan PSM. Lebih 800 orang hadir dalam majlis makan malam yang meriah ini.

Di samping persembahan nyanyian lagu dan pertunjukan drama yang mengisahkan masalah-masalah rakyat, terdapat juga ucapan daripada wakil PSM, termasuk Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM), Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen PSM untuk Sungai Siput), S. Arutchelvan (AJK Pusat PSM), K. Kunasekaran (bakal calon PSM untuk kawasan

Parlimen Batu Gajah) dan Chin Kwai Leong (bakal calon PSM untuk kawasan DUN Menglembu).

Dalam ucapannya, Dr. Jeyakumar menegaskan keperluan untuk mewujudkan politik baru yang membawa analisis yang berbeza terhadap kepincangan sistem sosio-ekonomi yang kita hadapi pada hari ini. Sekadar melawan korupsi adalah tidak mencukupi, tetapi kita perlu mencabar sistem ekonomi yang mengkayakan 1% teratas dengan memiskinkan rakyat 99%. Sivarajan juga mengatakan bahawa alternatif politik baru hanya dapat diwujudkan dengan terus membina kuasa rakyat.



Wakil daripada Gabungan Menuntut Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran telah mengunjungi pejabat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Kuala Lumpur pada 19 September lalu, untuk mengadakan perjumpaan dengan wakil ILO dan mengemukakan cadangan-cadangan Gabungan tersebut tentang dasar komprehensif mengenai pekerja migran. Gabungan Menuntut Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran mendesak ILO supaya memainkan peranan untuk memastikan kerajaan Malaysia melaksanakan dasar yang menyeluruh untuk melindungi pekerja-pekerja migran yang bekerja di Malaysia dan telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Rani Rasiah, AJK Pusat PSM yang juga merupakan Penyelaras Meja Migran PSM, telah hadir semasa perjumpaan dengan wakil ILO.

Gabungan Menuntut Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran telah melancarkan satu laporan bertajuk “Menuju Dasar Nasional yang Menyeluruh terhadap Migrasi Buruh untuk Malaysia” pada bulan Julai lalu. Laporan



Isu pekerja migran

tersebut bertujuan memberi cadangan kepada Kerajaan Malaysia untuk merangka satu dasar yang menyeluruh tentang pekerja migran, untuk menghentikan segala bentuk pemaksaan terhadap pekerja migran yang telah menabur titisan peluh di sini untuk membangunkan ekonomi negara kita.

Gabungan Menuntut Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran telah mengemukakan syor-syor yang merangkumi 7 aspek, iaitu pengambilan pekerja migran, pekerjaan, pekerja migran yang tidak berdokumen, penangkapan/ penahanan, pekerja migran wanita, perlindungan sosial (kesihatan dan keselamatan sosial) dan perumahan.

Solidariti untuk Rohingya



Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan satu himpunan solidariti untuk rakyat Rohingya di Negeri Rakhine yang sedang menghadapi ancaman pembunuhan beramai-ramai oleh tentera Myanmar, pada 10 September lalu, di Ipoh.

Turut hadir dalam himpunan solidariti tersebut adalah Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput merangkap AJK Pusat PSM), Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM), Soh Sook Hwa

(Bendahari PSM) dan M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM).

PSM membantah sebarang bentuk kezaliman dan keganasan terhadap mana-mana kumpulan masyarakat berasaskan perkauman dan agama. PSM menuntut pada kerajaan negara ASEAN supaya mendesak kerajaan Myanmar untuk menghentikan kezaliman terhadap masyarakat Rohingya yang sedang berlaku di Negeri Rakhine.

SUHAKAM lawat penternak ikan Kampung Bali



Selepas membuat aduan di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 15 Ogos lalu, Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Razali Ismail, mengadakan lawatan khas ke kawasan peternak ikan hiasan (koi) di Kampung Bali, Perak, pada 19 September lalu. Turut bersama beliau ialah Jerald Joseph, Pesuruhjaya SUHAKAM.

39 orang penternak ikan hiasan koi yang mengusahakan tanah seluas 162 ekar sejak tahun 1980-an, menghadapi ancaman rezeki mereka terjejas akibat pemberian tanah yang diusahakan mereka kepada pihak lain oleh Kerajaan Negeri Perak.

M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM), Andy Chin Kwai Heng (PSM Menglembu) dan K. Kunasekaran (Penyelaras Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak) telah bersama-sama dengan para penternak ikan untuk memperjuangkan isu ini.



Selain itu, SUHAKAM turut melawat dan meninjau kawasan nelayan Teluk Muroh, Lumut, Perak. Nelayan kecil dan penduduk di Teluk Muroh menghadapi masalah yang timbul akibat daripada projek penambakan pantai di situ.

Sikap homophobik menteri dikecam

Perlu bijak dalam kenalpasti isu kritikal masyarakat

(Berikut ialah kenyataan yang dikeluarkan pada 11 September lalu oleh Nurhayyu Zainal, Penyelaras Meja Wanita dan Isu-isu Gender PSM)

Merujuk kepada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Jamil Khir Baharom, berkenaan gesaan kerjasama dari semua pihak dalam membantu pihak penguatkuasaan memerangi program anjuran golongan LGBT seperti “Big Gay Iftar”.

Meja Wanita Parti Sosialis Malaysia menyifatkan gesaan Datuk Seri Jamil adalah keterlaluan selain gagal mengenal pasti isu kritikal yang sepatutnya diberi tumpuan oleh pihak penguatkuasaan.

Meskipun dari sudut tafsiran agama terdapat pelbagai pandangan dan

hukum berkenaan LGBT, namun golongan ini mempunyai hak untuk bergaul bersama masyarakat dan diberi layanan serta peluang yang sama.

Adakah golongan marjinal seperti LGBT satu ancaman besar sehingga diberi penekanan dan gesaan keras oleh pihak kerajaan seolah-olah mereka adalah ekstemis dan pengganas yang menggugat keselamatan masyarakat?

Jika kita lihat melalui sudut realiti, golongan LGBT sudah lama mewarnai industri seni tanahair. Melalui bakat dan potensi diri, mereka menyumbang kepada perkembangan dunia seni dan fesyen negara. Bahkan hari ini di peringkat antarabangsa, mereka

bergiat aktif dalam dunia politik dan menyandang jawatan dalam kabinet.

Ini bukti bahawa golongan LGBT telah pun sekian lama menapak dan diterima oleh masyarakat. Kelayakan, bakat dan potensi individu tidak sepatutnya dinafikan hanya kerana mereka adalah golongan LGBT.

Apakah keperluan mendefinisi orientasi seks seseorang individu yang tidak melakukan penindasan terhadap orang lain sebagai jenayah? Jikalau pun seorang individu itu gay, lesbian, trans, dan sebagainya, apa hak kerajaan menghalang mereka untuk mengamal serta menjalankan ibadah berdasarkan agama mereka, bukankah hal ini diperuntukkan dalam Perkara 11 Perlembagaan

Persekutuan?

Kami mengecam sikap homophobik Menteri Jamil yang gagal memahami kepelbagaian dalam umat manusia. Mereka harus lebih bijak mendepani isu-isu kritikal masyarakat hari ini di samping menjalankan kaji selidik berkenaan gejala rogol, sumbang mahram, gangguan seksual yang dilakukan oleh golongan lelaki "normal".

Saban hari negara dibanjiri oleh berita sedih tentang kezaliman bapa yang meratah anak kandungnya sendiri. Kita dikejutkan dengan satu kes paling jijik dalam sejarah di mana seorang bapa meliwat dan merogol anak kandungnya lebih 600 kali!

Hentikan sikap homophobik ini! ##

Undi PSM buat apa?

oleh Nik Aziz Afiq

Undi PSM buat apa, bukan boleh tubuh kerajaan pun?

Ketika artikel ini ditulis, PSM baru sahaja selesai mengadakan jelajah memperkenalkan calon pilihanraya untuk negeri Perak dan Pahang. Kini jelajah bersambung ke negeri Selangor dan bakal merebak pula ke negeri-negeri seterusnya.

Banyak maklumbalas positif dan negatif hasil daripada jelajah ini. Banyak pujian, sokongan moral serta banyak juga cacian dan serangan label. Pujian atau cacian tidak pernah menjadi faktor kepada gerak kerja PSM untuk berkhidmat kepada rakyat.

Biarlah dipuji setinggi langit mahupun dicaci seteruk mana pun, kerja tetap jalan seperti biasa. Membawa nama sosialis sebagai entiti pergerakan bukan perkara mudah.

Ada pemerintah yang sentiasa memprovokasi, ada agamawan yang sedia set-set fatwa hafalannya untuk dihambur, bahkan di kalangan sama-sama "kidal" pun cemuhan diberikan kerana merasakan PSM bukanlah kidal yang tulen.

Kalaulah para penggerak parti ini jenis terasa hati, termakan dengan kata-kata dan kejian luar, nescaya tidaklah parti ini melangkah ke tahun yang ke-19nya. Khidmat demi khidmat menjaga kebajikan dan melawan penindasan membuatkan masyarakat makin boleh menerima dan memberikan keyakinan terhadap perjuangan sosialis.

Penerimaan itu membawa kepada fasa baru, iaitu kesanggupan parti membawa suara rakyat di badan perundangan negara dan negeri. Maka melangkahlah PSM ke medan pilihanraya. Setelah berkali-kali dunia sosialis tanah air dihempas ombak dan tenggelam timbul sama ada dari serangan luar mahupun kehilangan keyakinan penggerak sendiri dengan nama sosialis yang berhantu itu, akhirnya sosialis muncul semula di persada politik negara.

Beberapa siri pilihanraya umum yang lalu disertai PSM dengan mengadakan pakatan pilihanraya bersama parti-parti pembangkang. Setelah pengkhianatan dan pembulian serta pembawakan politik parti pembangkang yang saling tak tumpah seperti seteru mereka, maka perwakilan dan delegasi PSM membawa haluan parti untuk menyertai pilihanraya umum kali ini dengan berdiri atas kaki sendiri dan bertanding lebih banyak kerusi.

Katakanlah PSM menang semua

kerusi yang ditandingi, apakah boleh tubuhkan kerajaan?

Jawapannya ya. Kerajaan baru dengan pembawaan politik sihat dan berlumba-lumba memberi khidmat dapat ditubuhkan. Tetapi bukan pilihanraya ini.

Perubahan itu satu proses, ia bukan seperti mimpi yang hanya perlu bermodal tidur dan dengkur lalu segalanya menjadi indah dan mudah.

Sengaja saya selitkan sejarah parti untuk menunjukkan bagaimana parti ini maju dari masa ke semasa. Melangkah dari fasa ke fasa. Dari era "taboo" dan tak boleh disebut ibarat Voldermort sehinggalah bertanding atas kekuatan sendiri. Ini semua proses untuk membawa kepada perubahan. Teras kepada proses ini adalah berkhidmat kepada rakyat.

Maka jawab kembali soalan itu, apakah dengan mengundi PSM pilihanraya kali ini, lalu para Wakil Rakyat itu nanti konsisten untuk

berkhidmat dengan jujur dan telus, mengisytihar harta tahunan sebagai inisiatif menolak rasuah, menghadapi isu-isu dengan prinsip dan bermaruah, tidakkah pada pilihanraya-pilihanraya akan datang dengan pertambahan jumlah kerusi bertanding memungkinkan terbinanya sebuah kerajaan?

Oh lambat lagi, baik "menangkan" pembangkang yang dah "ready" (bersedia) ambilalih kerajaan sekarang.

Ya benar lambat lagi, memang perjuangan seperti ini tidak mengghairahkan mereka yang mengidap ejakulasi pramatang yang sentiasa mahukan segalanya segera. Ya boleh menangkan pembangkang sekarang ini. Dalam keadaan pembangkang agak kuat ketika 2008 dan 2013 pun masih belum bersemayam di Putrajaya, inikan pula saat selemah ini, menangkan nanti?

Ya, pembangkang kononnya dah bersedia untuk ganti kerajaan

sekarang. Lihatlah persiapan mereka, kerusi-kerusi adalah milik parti di mana ia diisi oleh anak bini menantu dan kroni. Bukanlah perkara aib untuk lompat dan lobi wakil rakyat lain melompat parti. Kerusi juga sewenangnyanya boleh dikosongkan demi komplot merebut kekuasaan dengan langkah ini dan itu. Mereka dah bersedia dengan mengumpul kekayaan luar biasa dan bermewah. Cara mereka bersedia punyalah sama sehingga tak ada beza dengan kerajaan sedia ada. Apa yang berubah jika menang nanti hanyalah jenama. Jika itu perubahan yang dimahukan, silakan. ##



Rumah bekas pegawai masjid diancam perobohan

Pada 26 September lalu, suasana di perkarangan Masjid Lapangan Terbang Subang menjadi tegang apabila lebih kurang seratus anggota dikerahkan dari Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan Polis telah menyerbu rumah kediaman dua orang bekas pekerja masjid di situ untuk merobohkan rumah tersebut.

Abd Razak (bilal masjid) dan Yaakob, telah berkhidmat dengan Masjid Lapangan Terbang Subang sejak tahun 1996, dan kini rumah mereka akan dirobohkan oleh

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling untuk kepentingan pihak swasta Malaysian Airports Holdings Berhad (MAHB).

Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, telah berunding dengan pihak berkuasa untuk memberhentikan perobohan rumah.

Selepas perbincangan dengan pihak berkuasa, perobohan rumah telah ditangguhkan sehingga 1 Oktober 2017.

Apa yang sebenarnya berlaku dalam kes pengusiran paksa terhadap pegawai Masjid Lapangan Terbang Subang?

Tanah siapa?

Tanah tersebut didaftarkan sebagai hakmilik tanah persekutuan tetapi diberi pajakan 60 tahun kepada sebuah entiti swasta, iaitu Malaysian Airports Holdings Berhad (MAHB).

Adakah Abd Razak dan Yaakob ini penceroboh?

TIDAK. Masjid Lapangan Terbang Subang (Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah) dibina dengan cara mengumpul dana daripada pekerja lapangan terbang pada tahun 1990-an untuk kemudahan pekerja muslim yang menunaikan ibadah sembahyang mereka. Setelah masjid ini dibina, Abd Razak dan Yaakob telah mula berkhidmat dengan masjid. Mereka disuruh mendirikan rumah di perkarangan masjid pada sekitar tahun 1996. Mereka berdua membina rumah dengan duit mereka sendiri. Nazir masjid pada ketika itu telah memberikan kebenaran dan Abd Razak juga telah dilantik sebagai Bilal masjid.

Sampai sekarang, bekalan elektrik dan air adalah dibekalkan oleh masjid ini, dan mereka berdua membayar sewa untuk kemudahan ini. Jadi macam mana boleh dipanggil penceroboh?

Pejabat Tanah dan JAIS kata, rumah mereka bukannya dalam perkarangan masjid?

Sehingga sekarang, pagar yang mengelilingi masjid masih wujud dan mengelilingi rumah kedua-dua mereka. Jelas sekali, mereka duduk dalam perkarangan masjid. Jarak rumah dengan masjid tidak sampai 50 meter pun.

Kenapa timbul masalah sekarang?

Apabila JAIS mengambilalih Masjid tersebut setahun lebih sebelum ini, mereka berdua diberhentikan. Pengurusan masjid ditukar. JAIS kini memutarbelitkan fakta dengan

mengatakan rumah kediaman mereka bukan dalam sempadan perkarangan masjid. Ini merupakan suatu pembohongan. Mereka mensyaki bahawa Pejabat Tanah, JAIS dan MAHB bersekongkol membuat peta tapak masjid yang baru dan menyingkirkan rumah mereka secara sengaja dari peta. Perbuatan sedemikian berniat jahat agar Razak dan Yaakob boleh digelar sebagai penceroboh!

Kenapa mereka diusir sekarang?

Pihak MAHB ingin melaksanakan suatu projek persendirian, iaitu Subang Aerospace Technology Park di kawasan ini, maka mereka mengusir Abd Razak dan Yaakob. Projek ini semestinya menguntungkan pihak MAHB dengan pulangan lumayan.

Kalau ianya projek MAHB yang bersifat untuk keuntungan swasta, bagaimana pula dia guna jentera Kerajaan dan penguatkuasa Pejabat Tanah Petaling?

Inilah persoalan yang diungkitkan oleh Abd Razak dan Yaakob! Mengikut undang-undang, jika pihak swasta hendak mengusir setinggan atau penghuni premisnya, maka dia perlu melalui proses mahkamah dan perbicaraan penuh. Dalam perbicaraan itulah hakim dapat menilai justifikasi bahawa mereka ini bukan penceroboh tetapi telah menduduki tanah itu dengan kebenaran selama 20 tahun lebih. Maka, hanya dengan perintah mahkamah, sesebuah pihak swasta dapat mengosongkan tanah yang dipajaknya .

Dalam isu pegawai Masjid ini, apa berlaku?

MAHB hendak menggunakan jalan pintas, maka walaupun MAHB sebagai pihak swasta yang memajak tanah itu

selama 60 tahun, dan mempunyai segala hak untuk mengurus dan membangunkan tanah tersebut dalam tempoh pajakan, tetapi “memperalatkan” Pejabat Tanah Petaling untuk membuat kerja kotor mereka untuk mengusir dan meroboh! Pejabat Tanah menggunakan kuasanya di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara untuk mengusir dan meroboh rumah dan kedai milik Razak dan Yaakob.

Apa yang disebut dalam Seksyen 425 Kanun Tanah Negara?

Sek 425: Pendudukan secara tidak sah, tanah kerajaan, tanah rizab, atau tanah perlombongan.
(1) Mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah;
a) Menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau perlombongan... melakukan kesalahan...

Maka, tidak betul ianya digunakan terhadap dua orang pegawai masjid yang telah menerima kebenaran daripada Masjid dan direstui oleh MAHB (pada ketika itu Jabatan Penerbangan Awam, DCA) sejak 1996 untuk membina rumah dan berkhidmat dengan masjid.

Sudahkah mereka mendekati Kerajaan Negeri Selangor untuk bantuan?

Razak dan Yaakob telah menghantar surat bertarikh 22 November 2016 , 7 Mac 2017 dan sekali lagi pada 8 September 2017, mengenai tindakan pengusiran oleh Malaysian Airports Holdings Berhad melalui



penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling. Surat ditujukan terus kepada Azmin Ali, Menteri Besar Selangor. Malangnya pejabat MB melepas tangan dan menyuruh mereka menghubungi JAIS. Apabila menghubungi JAIS, pihak JAIS juga mengatakan bahawa kedua-dua mereka ini duduk di luar kawasan masjid!

Sehingga kini, tidak ada apa jua tawaran penempatan semula kepada mereka oleh Kerajaan Negeri Selangor. Semasa zaman Khir Toyo pun, setinggan ditawarkan rumah sebelum rumah mereka diroboh. Walhal Abd Razak dan Yakoob yang asalnya menduduki kawasan masjid dan berkhidmat dengan masjid kini tidak terbela!

Apa permintaan Abd Razak dan Yaakob ?

- Oleh kerana tanah yang diduduki mereka ini dipajak kepada pihak swasta MAHB dan akan digunakan untuk projek kepentingan swasta, maka pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah Petaling TIDAK SEHARUSNYA MELIBATKAN DIRI DALAM PEROBOHAN INI.
- Isu ini harus dibawa ke Mahkamah untuk perbicaraan penuh, mengikut undang-undang, iaitu pihak swasta hanya boleh memperoleh hak pemilikan kosong melalui perintah mahkamah selepas perbicaraan, bukannya melalui jalan pintas Seksyen 425 Kanun Tanah Negara.
- Rumah ganti kepada rumah yang akan dirobohkan ataupun pampasan yang setimpal untuk mendapat/ menyewa sebuah rumah dan kedai alternatif di kawasan Subang atau Shah Alam yang berhampiran.
- Gantirugi kehilangan sumber pendapatan untuk Abd Razak dan Yaakob sekeluarga, sehingga lokasi perniagaan dimulakan, selepas mengosongkan premis sekarang.
- Tempoh pemindahan yang munasabah – 2 bulan. ##



Penduduk Kampung Padang Jawa hadapi ancaman pengusiran

Peneroka-peneroka bandar yang tinggal di Kampung Padang Jawa, yang terletak di antara Shah Alam dan Klang, Selangor, telah hadir ke Mahkamah Shah Alam pada 15 September lalu, sebagai defendan dalam kes pemaju Ehsan Bina yang ingin mengusir mereka keluar dari kampung halaman mereka.

Penduduk kampung diwakili oleh peguam Dinesh.

Walaupun ada segelintir penduduk yang sudi menerima tawaran penyelesaian tidak masuk akal, tetapi kini majoriti penduduk di situ sudah mula sedar dan bersedia untuk melawan bagi menuntut balik hak mereka.

Aktivis PSM Cawangan Klang, khususnya Shanmugam, telah bersama-sama dengan penduduk dalam memperjuangkan hak mereka. ##

Kenapa perlunya Alternatif Kiri?

Politik kanan bermaksud politik yang dibawa oleh parti yang bersifat perkauman, berjiwa kapitalis dan bersikap elitis. Alternatif kiri pula merupakan politik yang pro-rakyat dan menentang kekuasaan kapitalis.

Punca asas kepada masalah masyarakat kita hari ini adalah sistem kapitalis yang berkisar pada keuntungan golongan kapitalis (pemodal). Perkhidmatan awam seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan, bekalan elektrik, air dan sebagainya diswastakan demi keuntungan segelintir kecil golongan kapitalis. Sistem ini telah menimbulkan pelbagai masalah seperti kemiskinan, ketidakadilan sosial, eksploitasi pekerja-pekerja, kemusnahan alam sekitar dan sebagainya. Politik kanan mendukung sistem sebegini.

Politik berhaluan kiri yang alternatif, menawarkan visi perubahan masyarakat yang berputus daripada kekuasaan kapitalis, melibatkan pembebasan rakyat daripada segala bentuk eksploitasi dan mewujudkan sebuah masyarakat sejahtera yang berlandaskan prinsip-prinsip

kebebasan, kesamarataan, keadilan serta persaudaraan sesama manusia.

Politik aliran utama berhaluan kanan yang dipengaruhi hebat oleh kepentingan golongan kapitalis besar sentiasa menggubal dasar-dasar yang mendatangkan masalah ketidakadilan sosial. Kita perlukan alternatif kiri yang mencabar kekuasaan golongan kapitalis ini.

Masalah asas dalam masyarakat kita tidak akan dapat diselesaikan dengan hanya sekadar menukar rejim pemerintah, tetapi perlukan perubahan secara menyeluruh dalam sistem politik dan sosio-ekonomi.

Masyarakat kita perlukan nafas baru dalam politik yang berbeza daripada senario politik semasa yang didominasi oleh golongan elit politik yang menjaga kepentingan korporat dan kroni-kroni mereka. Nafas baru politik hanya dapat wujud melalui pemeraksanaan rakyat dengan kesedaran politik tentang punca asas permasalahan masyarakat kita dan juga keupayaan rakyat marhaen untuk membawa perubahan.



Kenapa PSM bertanding dalam pilihanraya?

Rakyat berhak mempunyai **pilihan yang lebih baik.**

PSM menawarkan **nafas baru** dan alternatif baru kepada politik negara kita. Ini kerana rejim pemerintah dan pembangkang aliran utama tidak mencabar kekuasaan kapitalis.

Undi rakyat dapat menentukan **halatuj** negara kita, dan agenda untuk membina sebuah masyarakat yang benar-benar demokratik, adil dan sejahtera tidak


boleh diasingkan daripada halatuj politik sesebuah negara. PSM ialah sebuah parti yang berpegang kuat pada agenda politik sebegini.

Sama ada negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional atau Pakatan Harapan, wakil rakyat PSM akan berperanan **“semak dan imbang”** tanpa pengaruh politik mana-mana parti yang memerintah.

Alternatif kiri yang berlandaskan kepentingan rakyat biasa dan kesejahteraan bersama masyarakat perlu dibina dari sekarang juga.

Agenda perjuangan PSM

Demokrasi sejati



Rakyat biasa dapat menyertai sepenuhnya dalam proses menentukan halatuj masyarakat dan masa depan kehidupan sendiri. Demokrasi sejati menggalakkan penglibatan rakyat biasa dalam proses menentukan halatuj perancangan sosio-ekonomi masyarakat dan kehidupan sendiri.

Keadilan ekonomi



Pengagihan kekayaan masyarakat yang saksama, supaya segala hasil usaha rakyat dapat dinikmati bersama semua orang.

Kelestarian alam sekitar



Pembangunan masyarakat yang menjamin kesinambungan ekologi alam sekitar supaya generasi kita akan datang dapat terus hidup dalam persekitaran bumi yang bersih dan selamat.

PSM memperjuangkan perkara berikut:

- Naikkan gaji minimum ke RM 1500 sebulan.
- Mansuhkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Naikkan cukai ke atas golongan mahakaya dan korporat besar.
- Perumahan untuk semua rakyat. Rumah untuk diduduki rakyat, bukannya untuk keuntungan korporat.
- Pendidikan percuma sehingga ijazah pertama.
- Tingkatkan perkhidmatan kesihatan awam. Sekat pembukaan hospital swasta.
- Iktiraf hak tanah adat masyarakat Orang Asli.
- Lindungi hak tanah untuk petani kecil yang menghasilkan bahan makanan demi memperkukuhkan jaminan makanan negara.
- Pembangunan tenaga boleh diperbaharui yang selamat. Tolak pembinaan loji penjana kuasa nuklear.
- Pencen untuk semua warga emas.
- Kembalikan pilihanraya tempatan.
- Mansuhkan akta-akta zalim yang menyekat ruang demokrasi.



Apakah kelebihan calon PSM?

BERSIH

- Wakil rakyat PSM mengisytihar harta setiap tahun.
- Wakil rakyat PSM ditegah memegang jawatan dalam mana-mana badan korporat, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



BERANI

- Aktivis PSM sentiasa berdiri di barisan depan dalam perjuangan rakyat.
- Berani menyuarakan aspirasi rakyat di dalam dan di luar Parlimen.
- Berani mencabar dasar-dasar yang menindas rakyat.

BERPRINSIP

- Berpegang kuat pada prinsip memperjuangkan kepentingan rakyat biasa.
- Sentiasa berdiri bersama rakyat biasa dalam menghadapi ancaman kekuasaan golongan yang mahakaya dan berpengaruh.
- TIDAK mempergunakan isu perkauman dan agama untuk meraih sokongan.

BERJIWA RAKYAT

- Membuka pusat khidmat rakyat di kawasan yang bertanding, dan berterusan sama ada menang atau kalah.
- Sentiasa cuba memahami masalah rakyat untuk mencari penyelesaian.
- Semua keputusan perlu dibincang dengan rakyat dan rakyat dijadikan komponen terpenting dalam proses membuat keputusan.
- TIDAK mengamalkan budaya VIP, bodek-membodek, kronisme dan nepotisme.
- PSM membantu rakyat supaya rakyat dapat diperkasakan untuk mempertahankan hak asasi rakyat, bukannya terus bergantung pada elit politik.

PSM dapat tambah nilai pada sistem politik Malaysia

(Berikut ialah ucapan oleh Dr. Jeyakumar Devaraj, AJK Pusat PSM, semasa sidang akhbar pelancaran Kempen Jelajah PSM Menuju PRU-14 yang diadakan di Sungai Siput pada 2 September lalu.)

Parti Sosialis Malaysia (PSM) melancarkan Kempen Jelajah PSM untuk memperkenalkan program PSM kepada lebih ramai rakyat. Hasrat PSM adalah untuk menyampaikan pada rakyat Malaysia bahawa betapa pentingnya kehadiran parti politik berideologi sosialis di arena politik Malaysia.

Saya ingin menghuraikan 5 cara utama penglibatan PSM di politik Malaysia menambahkan nilai kepada proses politik di Malaysia.

1. PSM membawa suara akar umbi. Adalah DNA PSM untuk turun padang ke kawasan dan wujudkan perhubungan dengan lapisan-lapisan masyarakat yang miskin dan terpinggir untuk mendapat tahu masalah-masalah mereka. Oleh itu, PSM tahu secara mendalam isu-isu berkaitan dengan peneroka bandar yang tiada geran tanah, petani kecil yang mengusahakan tanah kerajaan, pekerja ladang, penghuni rumah pangsa kos rendah, pekerja kontrak di sekolah dan hospital kerajaan, pemandu lori, Orang Asli, pekebun kecil getah, pesawah padi, nelayan, pekerja migran dan sebagainya.

Memang parti-parti lain keluaran kenyataan dari masa ke semasa berkaitan golongan-golongan ini, tetapi PSM adalah parti yang amat rapat dengan golongan ini dan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Jika seorang atau dua orang wakil PSM masuk ke Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen, suara golongan B40 akan lebih kedengaran di situ. Ini akan memantapkan sistem politik di negara kita – isu-isu lapisan yang miskin akan dibawa kepada perhatian umum.

2. PSM tegas menolak politik perkauman. 60 tahun politik berdasarkan parti dan tuntutan bersifat perkauman telah menjadikan hampir semua warga Malaysia berfahaman separa-rasis. Oleh itu, memainkan isu etnik adalah kaedah termudah untuk menjadi “populer” dan mendapat sokongan orang ramai. Tetapi, PSM mengelak daripada pendekatan mudah ini. Ini kerana pendekatan rasis adalah jalan buntu. Ia tidak membawa kita ke arah penyelesaian masalah rakyat kerana penyelesaian itu memerlukan kerjasama rakyat majmuk yang terpinggir dalam

usaha mencabar sistem ekonomi yang berpihak pada golongan yang mahakaya.

3. Perkara yang ketiga adalah, PSM memahami bahawa **pemimpin politik adalah penjana korupsi** di negara kita. Ini kerana sistem politik berdemokrasi negara kita memerlukan dana – untuk membuka pejabat, untuk mengupah orang sebagai pekerja penuh masa, untuk mengadakan program, untuk kenderaan, untuk bahan-bahan bacaan dan sebagainya. Di Malaysia, tidak ada peruntukan daripada dana umum kepada semua parti politik di bawah satu sistem yang saksama. Oleh itu, pemimpin politik terpaksa cari dana itu, dan ini melipatgandakan pengaruh kaum mahakaya terhadap proses politik negara dan juga membuka ruang kepada amalan salahguna amanah rakyat untuk menyeleweng wang kerajaan.

PSM memahami bahawa pemimpin politik seperti Ho Chi Minh ataupun Tok Guru Nik Aziz adalah “pengecualian” dan kita tidak boleh membentuk sistem politik kita atas harapan pemimpin-pemimpin yang berintegriti seperti mereka akan memegang jawatan tertinggi. PSM percaya bahawa sistem politik kita harus dibentuk untuk manusia biasa. Namun, setiap manusia biasa mempunyai potensi menjadi “jahat” jika diberi terlalu banyak kuasa, dan sekiranya tiada sistem semak dan imbang (*check and balance*). Satu antara semak dan imbang yang perlu adalah, pengisytiharan aset peribadi setiap tahun oleh wakil rakyat. Ini akan bantu mencegah salahguna kuasa di kalangan pemimpin kita. Satu lagi adalah pendirian bahawa sesiapa yang ingin menjadi kaya-raya tidak patut menceburi dalam bidang politik, sebaliknya carilah bidang lain. Pemimpin politik harus mengelakkan diri daripada menggunakan posisinya sebagai

ADUN atau ahli parlimen untuk mencari wang!

4. Perkara yang keempat, PSM menambah nilai kepada sistem politik negara kerana kami benar-benar **percaya pada rakyat**. Kami tidak menganggap rakyat sebagai satu kelompok yang kurang bijak yang harus dipermainkan dengan janji-janji manis dan hujah-hujah rasis untuk mendapat sokongan mereka. PSM percaya rakyat biasa boleh memahami isu-isu nasional yang penting jika kita ambil masa untuk menerangkan pada mereka. Itulah sebabnya PSM selalu mengedarkan risalah kepada rakyat berkaitan pelbagai isu – GST, Gaji Minimum, Skim Insurans Pekerjaan, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), banjir, GATCO, Skim Pesakit Bayar Penuh di Hospital Kerajaan dan banyak lagi isu. Kami mengeluarkan penerangan isu ini dalam beberapa bahasa kerana PSM percaya bahawa rakyat biasa cukup bijak untuk memahami isu sebenar, mengambil bahagian dalam perbincangan isu-isu ini dan membuat keputusan yang matang.

PSM juga bergantung pada kuasa rakyat untuk mengatasi masalah. Di mana-mana situasi, prosedur operasi standard (SOP) PSM adalah untuk menghimpunkan rakyat dan menubuhkan satu jawatankuasa untuk meneliti dan mengendali isu itu. Selepas itu, kami cuba menggabungkan jawatankuasa dari beberapa kawasan dalam satu jaringan supaya mewujudkan tekanan yang lebih berkesan. PSM tidak bergantung pada kepandaian pemimpin PSM, tetapi percaya pada Kuasa Rakyat. Peranan PSM adalah untuk melahirkan dan memantapkan kuasa ini.

5. Satu lagi keistimewaan PSM adalah kami **berfikir “di luar kotak”** (*outside the box*). Kebanyakan pemimpin politik daripada parti-parti lain terperangkap

di dalam kotak pemikiran neoliberal yang percaya pada laungan Margaret Thatcher bahawa “tiadanya alternatif” (*There is no alternative*). Para Sosialis percaya bahawa “sebuah dunia yang lebih baik adalah berkemungkinan” (*A Better World is Possible*) dan wujudnya alternatif yang lebih baik daripada model pembangunan neoliberal yang telah diterima oleh pemimpin kedua-dua pilah BN dan Pakatan Harapan. Umpamanya,

- kami percaya bahawa penswastaan kemudahan asas mesti diberhentikan dan dimiliknegerakan oleh kerajaan secara berperingkat.
- kami percaya bahawa eksploitasi terhadap negara sedang membangun oleh 100 buah syarikat terbesar di dunia masih berterusan walaupun era penjajahan sudah tamat 50-60 tahun yang lalu. Eksploitasi sekarang beroperasi melalui manipulasi harga jualan barangan, di mana barangan buatan Afrika dan Asia ditekan ke paras amat rendah, tetapi barangan buatan syarikat terbesar dijual dengan harga yang semakin tinggi.
- Kami bantah persetujuan perdagangan bebas seperti TPPA yang terlalu berat sebelah kepada golongan yang mahakaya sehingga menyekat ruang kerajaan negara dunia ketiga dalam membantu sektor-sektor rakyat yang terpinggir dan miskin.
- Kami mengesyorkan untuk memantapkan kerjasama ekonomi antara negara-negara Afrika dan Asia. Kami mahu menghidupkan balik **Semangat Bandung 1955**.

Pendek kata, PSM membawa analisis dan pendirian yang berlainan kepada pentas perdebatan politik negara. PSM merupakan nafas baru kepada sistem politik Malaysia. Walaupun langsung tiada kesempatan untuk PSM menubuhkan kerajaan selepas PRU-14, kami ingin memainkan peranan penting dengan mempertengahan isu, analisis, kaedah bekerja dan pendirian seperti yang disimpulkan di atas. Inilah sebabnya kami berpendapat bahawa penglibatan PSM dalam PRU-14 adalah untuk kebaikan rakyat negara kita, PSM boleh memainkan peranan penting dalam proses merakyatkan sistem politik negara kita dan menjadikannya lebih inklusif dan demokratik lagi. ##



Rumah untuk kediaman rakyat bukan untuk keuntungan korporat

Berikut ialah Deklarasi Hari Habitat 2017 daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT).

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf hari Isnin pertama pada bulan Oktober setiap tahun sebagai Hari Habitat Sedunia. Pada tahun 2016, kempen Hari Habitat Sedunia bermatlamat membawa kesedaran tentang keperluan rumah mampu milik untuk semua. Akibat urbanisasi pesat, satu dunia menghadapi masalah akses untuk rumah mampu milik.

Tahun ini, Hari Habitat Sedunia diraikan pada 2 Oktober. Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) meneruskan kempen tahun 2016 memandangkan banyak masalah perumahan dan pengusiran paksa yang dihadapi oleh masyarakat miskin dan golongan tertindas di Malaysia masih belum diselesaikan oleh pihak kerajaan.

Krisis perumahan untuk rakyat biasa yang berlaku pada masa kini, antara lainnya:

- **Harga rumah** untuk rakyat biasa **meningkat** dengan teruk sehingga rakyat berpendapatan biasa tidak lagi mampu membeli rumah yang baru dibina. Harga minimum rumah teres satu tingkat adalah antara RM 180,000 hingga RM 220,000 di pekan biasa seperti Bagan Serai di Perak, dan meningkat melebihi RM 400,000 di bandar-bandar besar di Lembah Klang dan Pulau Pinang. Seorang pekerja kilang dengan gaji minimum RM 1000 tidak mampu melepasi had kelayakan bank untuk pinjaman perumahan ini. Kegagalan pihak pemerintah untuk mengiktiraf perumahan sebagai hak asasi serta mengambilalih fungsi penyediaan perumahan rakyat daripada pasaran (yang bermotifkan keuntungan) adalah punca utama masalah ini.
- Setiap hari, pihak **bank melelong rumah yang tidak mampu dibayar oleh peminjamnya** dan enggan melihat kesan sosio-ekonomi masa kini terhadap rakyat biasa yang dihipit oleh inflasi, gaji yang tidak mencukupi dan beban hidup yang lain. Pihak bank hanya melihat rekod bayaran dan sekiranya peminjam tidak mampu membayar, maka solusinya adalah melelong rumah tersebut. Kerajaan melalui Bank Negara tidak menetapkan regulasi secukupnya untuk menekan pihak bank supaya memperkenalkan “skim pembayaran fleksibel sementara” sekiranya wujud krisis pada pembeli.
- **Pengusiran paksa** terhadap peneroka bandar dan pekerja ladang masih berlaku sehingga hari ini. Undang-undang tanah negara kita adalah berdasarkan sisten torrens dan bukannya hak ekuiti. Maksudnya, barang siapa pemilik geran hak milik, maka dia adalah pemilik mutlak tanah dan bukannya penghuni kawasan tersebut walaupun sudah menduduki tanah tersebut sejak bergenerasi lamanya. Maka, pemilik geran senantiasa mendapat perintah mahkamah

untuk pengosongan tanah dan rakyat kebanyakan yang menduduki kawasan diteroka terpaksa diusir keluar. Kerajaan negeri tidak mempeduli seruan supaya mewujudkan satu enakmen yang mewajibkan peneroka bandar yang diusir keluar secara automatik ditawarkan perumahan atau lot tanah alternatif. .

- **Penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah** juga satu krisis untuk golongan berpendapatan rendah. Penduduk sendiri perlu bayar sejumlah wang untuk menyelenggara rumah pangsa dan kawasan bersama (*common area*) di rumah pangsa. Manakala di taman perumahan mahupun di lot banglo, penyelenggaraan kawasan sekitar rumah dijalankan oleh Majlis Tempatan. Jadi, jawatankuasa pengurusan rumah pangsa (JMB) terpaksa menghadapi pelbagai kerumitan, terutamanya dalam mengutip wang penyelenggaraan daripada penghuni rumah pangsa. Ini menyebabkan keadaan rumah pangsa yang tidak terjaga dan usang. Selain itu, wang yang dikutip ini tidak mencukupi untuk menampung kos sekiranya berlaku kerosakan besar seperti bumbung bocor dan penyelenggaraan bangunan. Kemudahan asas di rumah pangsa kos rendah juga merupakan satu lagi masalah. Kebanyakan rumah pangsa tidak mempunyai tempat membuang sampah yang baik, tiada dewan serbaguna untuk menjalankan aktiviti, taman permainan yang usang, tempat letak kereta yang tidak mencukupi dan tiada pejabat untuk JMB beroperasi.

Selaras dengan prinsip-prinsip Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Perlembagaan Persekutuan dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang disahut oleh kerajaan, bagi melindungi kesejahteraan rakyat daripada terjejas dan menangani ketidaksamarataan yang semakin serius, kami menuntut pada kerajaan supaya memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

1. Perumahan Mampu Milik untuk 40% golongan berpendapatan rendah (B40)

- Menggubal satu dasar perumahan negara yang memastikan perumahan yang sesuai dan perlu melalui proses perundingan dengan semua lapisan masyarakat.
- Perumahan untuk golongan miskin mesti ada jaminan pinjaman bank yang munasabah dengan faedah yang amat rendah oleh pihak berkuasa supaya rakyat daripada golongan B40 mampu beli rumah kos rendah yang ditawarkan kepada mereka.
- Penyediaan kemudahan

perumahan untuk rakyat biasa adalah tanggungjawab kerajaan dan bukannya pemodal swasta. Kerajaan seharusnya mengeluarkan perkhidmatan perumahan rakyat daripada pasaran dan menekankan bahawa ia bukannya satu perniagaan untuk keuntungan.

2. Iktiraf peneroka bandar dan hentikan pengusiran paksa

- Kerajaan harus mengiktiraf peneroka bandar dan perkampungan yang diduduki oleh mereka. Sekiranya tanah kerajaan, maka hak milik tanah tersebut sepatutnya ditawarkan kepada mereka dan bukannya dijual kepada pemaju untuk keuntungan.
- Wujudkan satu Enakmen / Akta di mana Kerajaan Negeri / Pusat harus menyediakan skim perumahan atau lot tanah alternatif secara automatik sekiranya peneroka terpaksa diusir keluar kerana pembangunan kerajaan.
- Untuk pembangunan swasta pula, kos perumahan peneroka harus dikongsi bersama oleh pemaju sebagai ganti rugi dan projek pembangunan swasta tersebut harus ditunda sehingga pemaju menunaikan kos tersebut.
- Skim Perumahan Sendiri Tun Abdul Razak untuk pekerja ladang harus dijadikan sebagai undang-undang.

3. Hentikan kekejaman pihak bank terhadap golongan miskin

- Wujudkan satu Skim Insurans Pinjaman, iaitu pembeli perlu dikehendaki membayar sejumlah wang (katakan 10% daripada jumlah pembayaran balik pinjaman) kepada kumpulan wang simpanan yang boleh digunakan untuk membantu memenuhi bayaran balik pinjaman bulanan jika keluarga terbabit mengalami kerugian dalam pendapatan. Skim insurans pinjaman akan membantu mengurangkan kadar kelalaian melunaskan hutang yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.
- Skim Tabung Pemberhentian Kerja yang diperjuangkan oleh PSM/JERIT harus dilaksanakan segera kerana ia turut membantu kaum pekerja yang kehilangan kerja untuk meneruskan bayaran pinjaman perumahan mereka.
- Maka, dalam keadaan krisis sebegini, pembeli harus ditawarkan penstrukturan semula pembayaran balik pinjaman yang lebih fleksibel



(iaitu jumlah yang kurang daripada yang dibayar sebelum ini) untuk satu tempoh tertentu (misalnya setahun). Tempoh ini mampu membantu pembeli bertahan dengan dana daripada skim insurans pinjaman atau tabung pemberhentian kerja.

4. Majlis Perbandaran Tempatan mengambilalih penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah.

- Penghuni rumah pangsa kos rendah hanya perlu membayar dua jenis cukai, iaitu cukai tanah (setahun sekali) dan cukai pintu (6 bulan sekali), seperti mana rumah teres kos rendah.
- Bayaran harus dibuat terus kepada Majlis Perbandaran dan Pejabat Tanah. Bayaran harus meliputi kutipan sampah, pembersihan koridor, pembersihan longkang, taman permainan, lampu jalan dalam kawasan rumah pangsa dan jalanraya dalam kawasan rumah pangsa.

5. Cukai hartanah yang progresif dan strategik

- Kami mencadangkan cukai progresif dan strategik ke atas hartanah, terutamanya pemilik rumah mahal, rumah kedua dan ke atas. Juga kenakan **cukai nilai tanah primer** dan cukai keuntungan modal ke atas penjual hartanah primer.
- Wang yang dikumpul hasil daripada cukai ini boleh disalurkan untuk membina perumahan mampu milik. Kami juga mencadangkan cukai ke atas hartanah tidak berpenghuni dan hartanah yang sebahagiannya tidak dihuni (*under-occupancy tax*). Cukai ini akan mengurangkan spekulasi harga rumah, dan mengurangkan kelonjakan permintaan dalam pasaran perumahan.

Walaupun tuntutan-tuntutan ini nampak sangat relevan untuk rakyat majoriti, namun pihak kapitalis akan menentang idea-idea perumahan untuk rakyat biasa yang tidak menguntungkan mereka. Adalah amat jelas bahawa perumahan selesa mampu milik adalah hak asasi rakyat dan harus menjadi tanggungjawab kerajaan. Kemudahan perumahan rakyat biasa tidak harus dijadikan komoditi untuk keuntungan golongan pemodal. Keluarkan penyediaan perumahan rakyat daripada pasaran.

Rumah untuk rakyat, bukan untuk keuntungan! ##

Krisis Perumahan di Malaysia

Kita sekarang sedang menghadapi krisis perumahan di Malaysia. Krisis ini terbahagi kepada 5 komponen:

1. Kebanyakan keluarga baru tidak mampu memiliki rumah. Harga rumah di bandar-bandar kita telah meningkat kesan daripada spekulasi tanah dan hartanah. Hari ini, pasangan graduan dengan gabungan pendapatan sebanyak RM 5000 pun akan menghadapi kesukaran mencari sebuah rumah yang mampu dimiliki mereka. Bagaimana pula dengan pasangan yang bukan graduan? Perlu diingatkan bahawa kira-kira 210,000 pasangan berkahwin setiap tahun di Malaysia, justeru negara ini memerlukan jumlah rumah mampu milik yang lebih kurang sama dengan anggaran jumlah pasangan baru.
2. Kini, terdapat kira-kira 750,000 keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di rumah pangsa kos rendah di kawasan tengah bandar kita (daripada sejumlah 7 juta keluarga di Malaysia). Ramai daripada mereka sebelum ini adalah peneroka bandar (setinggalan) yang didesak untuk keluar dari rumah-rumah papan mereka dan membeli unit di rumah pangsa ini. Sistem yang kita ada untuk penjagaan dan mengekalkan

kebersihan rumah-rumah pangsa ini ternyata tidak berkesan. Akta Hakmilik Strata memerlukan pemilik unit-unit di rumah pangsa untuk membentuk jawatankuasa pengurusan, mengumpul wang bulanan daripada semua penduduk, dan menjaga semua perbelanjaan termasuk mengambil pekerja untuk pembersihan dan kerja baik pulih. Di kebanyakan rumah pangsa kos rendah, jawatankuasa pengurusan seringkali menghadapi kesukaran untuk mengutip bayaran bulanan, dan hasilnya adalah taraf penyelenggaraan yang daif. Begitu banyak rumah pangsa kos rendah telah berubah menjadi kawasan miskin bandar.

3. Terdapat beribu keluarga berpendapatan rendah yang bertungkus-lumus membayar hutang pinjaman bank mereka. Menurut data tahun 2012, 40% daripada keluarga di Malaysia memperolehi pendapatan isi rumah kurang daripada RM 3,045 sebulan. Kebanyakan keluarga ini terdorong membeli rumah kerana mereka melihat sewa rumah sebagai perbelanjaan yang tidak memberikan faedah jangka panjang. Justeru, mereka membuat keputusan membeli

rumah sekalipun bayaran pinjaman bulanannya melebihi kadar sewa yang perlu ditanggung jika sebaliknya. Ramai yang tertunggak bayaran pinjaman bank. Ini menyebabkan bank menaikkan kadar faedah serta mengenakan caj undang-undang dan lain-lain. Setiap bulan beratus-ratus pinjaman itu ditarik, dan rumah-rumah pula dilelong. “Serangan kewangan” ini menyebabkan keluarga-keluarga tadi mengalami kekangan wang dan terpaksa mengorbankan keperluan asas yang lain seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan. Keadaan ini juga menimbulkan ketegangan dalam keluarga.

4. Terdapat beribu-ribu keluarga di Malaysia yang menetap di tanah kerajaan atau tanah persendirian tanpa memegang geran hak milik untuk tanah tersebut. Kebanyakan keluarga-keluarga ini adalah daripada kategori berpendapatan rendah yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM 3,000 sebulan. Mereka ini berisiko menghadapi pengusiran apabila kawasan penempatan mereka dikenalpasti untuk "pembangunan".

5. Pola pemikiran kerajaan juga adalah satu masalah besar. Kerajaan

kita berdegil memegang pada pandangan yang kononnya sektor swasta mampu menyediakan semua perkhidmatan asas termasuk perumahan, sungguhpun kita mempunyai lebih daripada cukup bukti yang menunjukkan bahawa **komodifikasi** (transformasi hubungan yang sebelumnya bebas daripada perdagangan, menjadi hubungan komersial, hubungan pertukaran, membeli dan menjual) rumah dan spekulasi yang berikutan daripadanya telah menyumbang kepada lonjakan harga rumah. Kerajaan nampaknya menafikan hakikat ini. Rumah yang dibina melalui inisiatif kerajaan seperti skim PR1MA dijual dengan harga antara RM 150,000 dan RM 450,000, memang jelasnya di luar kemampuan 40% keluarga di Malaysia dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM 3,000 sebulan.



Langkah penyelesaian

Kita perlu memecahkan tempurung pemikiran jika mahu menyelesaikan krisis perumahan di Malaysia. Antara langkah yang perlu diambilkira adalah seperti yang di bawah:

i) Lembaga Perumahan Rakyat

PSM telah mencadangkan penubuhan Lembaga Perumahan Rakyat (LPR) yang tidak bermotifkan keuntungan untuk membina rumah kos rendah dan sederhana di atas tanah kerajaan supaya dapat dijual kepada pasangan tempatan yang ingin membeli rumah pertama mereka. Tanah kerajaan untuk skim tersebut perlu diberi secara langsung kepada LPR dan tidak diberi hak milik kepada syarikat milik kerajaan yang ditubuhkan untuk mengekstrak sewa daripada proses tersebut. Rumah -rumah ini akan dijual kepada pembeli rumah pertama pada harga yang sedikit melebihi kos pembinaan, dengan syarat bahawa pemilik hanya boleh menjual rumah ini kembali kepada LPR sendiri. LPR boleh menjual semula rumah tersebut kepada keluarga lain yang layak..

ii) Mewakilkan Majlis Perbandaran Tempatan untuk mengambilalih pengurusan rumah pangsa kos rendah

PSM mencadangkan bahawa Akta Pengurusan Strata diubahsuai supaya Majlis Perbandaran Tempatan dapat dipertanggungjawabkan untuk menguruskan rumah pangsa yang mana unitnya berharga kurang daripada RM 100,000. Kutipan yuran pengurusan sepatutnya menjadi tanggungjawab Majlis Perbandaran Tempatan yang mempunyai rizab kewangan yang mencukupi untuk memberikan tekanan kepada pemilik yang sukar bekerjasama. Kerajaan Persekutuan juga perlu

memperuntukkan dana untuk kerja pembaikan dan pengubahsuaian rumah pangsa kos rendah ini. Walau bagaimanapun, peruntukan Akta Strata mengenai pembentukan jawatankuasa penduduk perlu dikekalkan, dan jawatankuasa penduduk yang dipilih ini perlu dibentuk sebagai saluran untuk mendapatkan maklum balas daripada penduduk.

iii) Memperkenalkan skim insurans pinjaman

Rakyat Malaysia yang membeli rumah perlu dikehendaki membayar sejumlah wang (katakan 10% daripada jumlah pembayaran balik pinjaman) kepada kumpulan wang simpanan yang boleh digunakan untuk membantu memenuhi bayaran balik pinjaman bulanan jika keluarga terbabit mengalami kerugian dalam pendapatan. Skim insurans pinjaman akan membantu mengurangkan kadar kelalaian melunaskan hutang yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Perlu ada peruntukan bagi kemungkinan di mana jika dana ini dikeluarkan, pinjaman bank itu dapat distrukturkan semula supaya jumlah bayaran bulanan kepada bank boleh dikurangkan untuk tempoh yang tertentu, justeru dana ini boleh bertahan untuk tempoh yang lebih lama, memberi pembeli rumah lebih banyak masa untuk mendapatkan pekerjaan baru.

iv) "Rumah Majlis Perbandaran" untuk mereka yang berpendapatan kurang daripada RM 2500 sebulan

Keluarga dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM 2,500 sebulan perlu disediakan perumahan oleh kerajaan pada kadar sewa minimum. Kerajaan pusat perlu menyediakan dana untuk majlis

perbandaran tempatan supaya ia dapat membeli sejumlah daripada rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju dan juga untuk membina rumah pangsa kos rendah yang mencukupi untuk keluarga miskin.

v) Memperbaiki status peneroka bandar

Kebanyakan kerajaan negeri berkehendak untuk membersihkan kampung-kampung di tanah kerajaan, di mana peneroka bandar telah hidup selama dua puluh tahun atau lebih, menerusi apa yang digelar "Program Setinggalan Sifar" kononnya untuk tujuan "pembangunan". PSM mencadangkan supaya kampung-kampung ini diberi pengiktirafan. Peneroka bandar patut diiktiraf dengan memberikan mereka geran tanah, menaiktaraf infrastruktur untuk mereka - jalan raya, longkang, sistem pembetungan dan kutipan sampah - dan menyediakan pinjaman kewangan kecil dengan faedah yang rendah untuk membaik pulih dan menaiktaraf rumah-rumah mereka. Pendekatan ini akan membantu mengurangkan jumlah orang yang tidak berumah.

vi) Hak dan geran untuk penyewa tanah

Penyewa tanah adalah keluarga yang menyewa tanah daripada tuan-tuan tanah persendirian untuk tujuan mendirikan rumah-rumah mereka sendiri. Bilangan kumpulan penduduk bandar miskin ini mungkin beberapa kali lebih besar daripada "peneroka bandar" yang tinggal di atas tanah kerajaan. Kebanyakan penyewa tanah ini telah menetap di tempat mereka selama beberapa dekad - malah ada yang sebelum Merdeka. Tetapi mereka menghadapi ancaman pengusiran oleh pemaju

hartanah besar yang mampu menawarkan harga yang terlalu menarik untuk ditolak pemilik tanah-tanah tersebut. Setelah pemaju mendapat tanah, dia kemudian akan mengusir penyewa tanah yang tidak mempunyai hak sama sekali di bawah Kanun Tanah Negara.

PSM mencadangkan bahawa Kanun Tanah Negara diubahsuai untuk memberikan hak kepada penyewa tanah yang telah menduduki tanah selama lebih daripada 20 tahun. Di mana-mana ada kesempatan yang mengizinkan, kerajaan perlu menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambilalih tanah itu dan menjual kepada penduduk sedia ada pada harga yang berpatutan. Tindakan ini mampu mengelakkan beribu-ribu keluarga miskin di bandar kehilangan tempat tinggal dan ianya lebih murah daripada menolak kepada pemaju untuk membina rumah kos rendah bagi mereka.

Hanya satu anjakan paradigma seperti yang dinyatakan di atas boleh menyelesaikan krisis perumahan di Malaysia. Langkah-langkah seperti ini akan kuat ditentang oleh pihak-pihak yang kini mendapat manfaat daripada keadaan semasa, iaitu pemaju perumahan besar, pencari sewa di kalangan elitis politik dan 10% daripada rakyat Malaysia terkaya yang semakin kaya kesan kenaikan harga hartanah mereka yang berlambak. Tetapi sesukar mana pun, kerajaan kita perlu nekad menggerakkan suara 80% orang miskin di Malaysia dan menginstitusikan dasar-dasar perumahan yang pro-rakyat dengan menghapuskan **komodifikasi** penyediaan rumah mampu milik untuk rakyat Malaysia. ##

RUU Sistem Insurans Pekerjaan perlu diperbaiki

Wakil-wakil daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah hadir ke Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada 14 September lalu untuk menyerahkan cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Mohd Hajazy (Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Dasar Perburuhan KSM) selaku wakil daripada Kementerian Sumber Manusia dan Mohd Sahar selaku wakil PERKESO, telah berjumpa dengan wakil PSM dan menerima memorandum yang diserahkan.

Setelah hampir 10 tahun kajian, Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah dibentang di Parlimen untuk bacaan pertama pada 1 Ogos 2017 lalu. RUU SIP ini mendapat tentangan hebat daripada kuasa-kuasa anti-pekerja dan majikan sehingga bacaan kedua tidak diteruskan dalam sesi Parlimen tersebut. Selepas itu, Perdana Menteri mengumumkan RUU SIP ditangguhkan ke sesi Parlimen Oktober 2017. Maka, PSM mengambil kesempatan ini untuk membuat analisis terhadap RUU SIP

yang dibentang oleh KSM dan mencadangkan beberapa pindaan bagi menambahbaikkan RUU SIP ini.

PSM memperjuangkan untuk satu tabung henti kerja sejak tahun 1998 kerana setiap kali berlaku krisis ekonomi, pekerja turut hilang kerja dan diheret ke dalam kancah kemiskinan.



Berikut adalah apa yang terkandung dalam RUU SIP dan cadangan PSM untuk memperbaikinya:

No	Perkara	RUU SIP	Cadangan PSM
1	Kadar Caruman	0.5% majikan dan 0.5% pekerja. Ini bermakna seorang pekerja yang menerima gaji minimum RM1000, harus mencarum RM 5 dan sumbangan majikan RM 5. Dengan jumlah tenaga buruh lebih kurang 6 juta, sejumlah RM 60 juta sumbangan akan dikumpul untuk satu bulan dan ia akan menjadi RM 720 juta bagi setahun. Ini adalah satu amaun yang tinggi. Setelah majikan memberi tekanan, kadar caruman kini diturunkan kepada 0.2% bagi pekerja dan 0.2% bagi majikan. RUU SIP juga mempunyai 3 jenis jadual kadar caruman yang mempunyai kadar yang berbeza, 0.5%, 0.6% dan 0.7%. Mana satu jadual akan digunakan dalam satu tempoh masa akan diputuskan oleh Menteri Sumber Manusia tanpa dibawa ke Parlimen.	PSM berpandangan bahawa kadar 0.5% jauh lebih tinggi berbanding dengan cadangan asal PSM kepada KSM iaitu 50 sen bagi pekerja dan 50 sen bagi majikan. PSM berpendapat bahawa, sebagai permulaan, kadar caruman harus ditetapkan pada tahap rendah supaya ia tidak membebankan pekerja. Apabila faedah diperluaskan pada masa hadapan, kadar ini masih boleh dikaji balik. Walaupun KSM mengemukakan cadangan baru dengan kadar 0.2%, tetapi bagi pekerja yang berpendapatan rendah seperti RM 1000 sebulan, potongannya adalah RM 2 daripada gaji mereka, dan amaun ini masih tinggi. Maka, PSM cadangkan KSM untuk mempertimbangkan cadangan 50 sen bagi pekerja dan 50 sen bagi majikan.
2	Pentadbiran	- SIP akan diuruskan oleh PERKESO. - PERKESO akan ada Jawatankuasa Khas yang mempunyai 11 wakil Kerajaan, 3 wakil pekerja, 3 wakil majikan, dan 3 wakil luar bagi membincangkan hal-hal keseluruhan dalam SIP dan akan menasihati Menteri sebarang saranan pindaan dalam RUU SIP ini. - Menteri mempunyai kuasa dalam memilih dan membatalkan ahli dalam Jawatankuasa, membuat sebarang pindaan dalam RUU SIP tanpa dibawa ke Parlimen seperti mengubah kadar caruman. - PERKESO boleh melantik ejen, mengambilalih syarikat dan tubuhkan pusat atau institut.	- PSM mengalu-alukan keputusan untuk PERKESO kendalikan SIP. Ini akan mengurangkan kos pentadbiran supaya SIP berfungsi di bawah struktur yang sedia wujud. - Berkenaan dengan Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mentadbir keseluruhan SIP, harus ada nisbah perwakilan yang sama bilangan dari pihak kerajaan, majikan dan juga pekerja. Sekarang hanya 3 wakil pekerja dalam Jawatankuasa ini. PSM mencadangkan supaya menggunakan nisbah 1/3 untuk setiap pihak seperti sistem triparti yang sedia wujud sekarang. Ini kerana SIP adalah suatu faedah khusus kepada pekerja. Suara pekerja juga harus seimbang dalam sebarang proses membuat keputusan. - PSM juga berpendapat bahawa Menteri TIDAK HARUS mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan. Mana-mana orang yang mewakili pekerja dalam Jawatankuasa harus diputuskan oleh organisasi pekerja, bukan Menteri yang juga ada kuasa untuk memecat mana-mana ahli Jawatankuasa yang tidak disukainya. Kuasa ini harus dimansuhkan. - PERKESO harus menjadi badan yang efisien untuk melaksanakan tabung SIP supaya pekerja mendapat faedahnya, dan TIDAK PERLU menjalankan kerja badan korporat dengan ambilalih syarikat, tubuhkan Institut mahupun kuasa dalam melantik ejen yang kita rasa hanya membazir caruman pekerja.
3	Faedah	- Dua faedah utama yang diberi oleh RUU SIP adalah faedah hilang kerja (elaun cari kerja) dan juga faedah latihan dan program penempatan semula. - Elaun cari kerja untuk 6 bulan maksimum dan mempunyai kadar peratus berlainan, iaitu 80% bagi bulan pertama, 50% bagi bulan kedua, 40% bagi bulan ketiga dan keempat, 30% bagi bulan kelima dan keenam.	- PSM cadangkan bahawa faedah cari kerja perlu maksimum 1 tahun dan minimum 6 bulan. Ini harus berbeza mengikut setiap kes. Ada pekerja yang akan dapat kerja baru sebelum satu tahun, tetapi mungkin dengan gajinya lebih rendah daripada kerja sebelumnya, maka SIP harus membantu pekerja tersebut sehingga satu tahun supaya pekerja itu terus mencari kerja yang setaraf dengan kemahiran, pendidikan dan pengalamannya. - PSM sarankan elaun ditetapkan 80% sepanjang tempoh mendapat faedahnya.
4	Syarat kelayakan	- Caruman minimum 12 bulan sebelum membuat tuntutan. - Beberapa kategori pekerja tidak layak mendapat faedah ini seperti pekerja kontrak tetap, penyiapan kerja mengikut kontrak dan pekerja yang dimangsakan oleh majikan (pembuangan tidak sah). - Tuntutan SIP mempunyai syarat yang ketat dan kelayakan jumlah caruman yang tinggi yang akan merumitkan pekerja menikmati faedah SIP. Setiap tuntutan, kelayakan caruman bulanan semakin meningkat.	- PSM cadang supaya mansuhkan kelayakan minimum 12 bulan. Pekerja harus layak membuat tuntutan jika sudah mula mencarum ke SIP. - Insiden kehilangan kerja atau kilang tutup bukan dalam kawalan pekerja. Maka adalah wajar pekerja dilindungi SIP ini sebaik sahaja mereka mula mencarum dan bukannya hanya jika mereka mempunyai minimum 12 bulan caruman. Mansuhkan klausa pengecualian pekerja. - Pekerja kontrak tetap atau pekerja yang bekerja bagi menyiapkan sesebuah projek tidak harus dikecualikan dari faedah ini. Ini kerana pekerja kontrak diberi keyakinan apabila tempoh habis, kontraknya diperbaharui. Maka, pemberhentian sebegini harus diambilkira. - Berkenaan dengan pekerja yang hilang kerja akibat pemangsaan dan memfailkan kes terhadap majikan, juga perlu menerima faedah hilang kerja. Ini kerana pemangsaan yang menuntut keadilan bagi seseorang pekerja dan kehilangan kerja adalah dua perkara yang berlainan. SIP harus bermanfaat kepada semua pekerja dalam situasi hilang kerja dan perlu ada sokongan sehingga mendapat kerja baru. - Jadual keempat, iaitu syarat kelayakan caruman, tidak masuk akal dan disarankan untuk dimansuhkan. Tuntutan pertama hingga kedua belas dengan syarat kadar caruman bulanan yang tinggi akan merumitkan pekerja yang hilang kerja menuntut faedah di bawah SIP.
5	Syarikat yang bankrap dan faedah renti kerja	RUU SIP tidak menyatakan apa-apa tentang faedah renti kerja yang sepatutnya dibayar oleh majikan kepada pekerja apabila pekerja hilang kerja dalam situasi syarikat bankrap.	Dalam keadaan normal, faedah renti kerja adalah tanggungjawab majikan apabila membuang pekerja dari kerja. Tetapi dalam situasi syarikat sudah bankrap, pekerja tidak mendapat faedah ini daripada majikan. Maka, PSM sarankan supaya tabung SIP harus menyimpan sebahagian dana untuk tujuan ini.
6	Pekerja migran	Tidak nampak apa-apa berkenaan ini dalam RUU SIP.	PSM sarankan RUU SIP perlu ada klausa khas untuk pekerja migran berkenaan kadar caruman, tuntutan faedah hilang kerja, dan juga pekerja yang tamat permit.



Kerja pengurusan rumahtangga (*homemaking*) atau kerja rumah, termasuklah kerja-kerja membersihkan rumah, mencuci baju, memasak untuk keluarga, menjaga kanak-kanak kecil dan sebagainya. Kerja ini biasanya dilakukan oleh golongan wanita berkahwin yang tidak kerja di luar. Wanita yang hanya melakukan kerja rumah dipanggil “suri rumahtangga”.

Suri rumahtangga tidak dibayar apa-apa upah untuk kerja yang dibuatnya, sedangkan semua kerja yang dilakukan itu merupakan kerja yang penting untuk memastikan kehidupan seseorang rumahtangga dapat berlangsung secara licin.

Kita biasanya menganggap “kerja” yang menghasilkan nilai dan perlu dibayar upah itu adalah kerja yang menghasilkan sesuatu barangan dalam kilang atau memberikan sesuatu perkhidmatan di kedai, di luar lingkungan keluarga. Namun, kerap kali kita terlupa bahawa kerja rumah yang dilakukan oleh suri rumahtangga itu juga kerja yang menghasilkan nilai.

Kerja rumah ialah kerja yang menggunakan tenaga buruh manusia.

Kerja rumah menghasilkan sebahagian penting daripada kekayaan masyarakat.

Kerja rumah yang memastikan kelangsungan hidup keluarga golongan tenaga kerja masyarakat, merupakan komponen yang penting dalam penjana kekayaan dan pembangunan masyarakat.

Kerja rumah membantu sektor perindustrian untuk menyediakan tenaga kerja yang dapat menyumbang kepada penjana ekonomi, kerana kerja-kerja ini telah menguruskan segala keperluan tenaga kerja sebelum masuk kerja di kilang-kilang atau firma-firma. Kerja rumah merupakan asas kepada ekonomi perindustrian moden.

Kerja rumah yang melibatkan penjagaan kanak-kanak, sebenarnya merupakan kerja-kerja yang mempersiapkan tenaga kerja untuk masa hadapan. Firma-firma atau syarikat-syarikat mengupah tenaga kerja, memang perlu membayar kos tenaga kerja itu, tetapi adakah majikan juga membayar kos yang termasuk pertumbuhan dan persiapan tenaga kerja itu sebelum masuk ke dunia kerja?

Jika sebuah keluarga yang mempunyai sumber kewangan yang lebih dan mampu mengupah seorang pembantu rumah, semestinya akan membayar gaji kepada pembantu rumah itu. Kerja pembantu rumah itu adalah lebih kurang sama dengan kerja suri rumahtangga. Oleh itu, suri rumahtangga seolah-olah pembantu rumah yang tidak dibayar gaji!

Jika kerja rumah tidak dibayar dengan upah, suri rumahtangga yang melakukan kerja rumah ini bagaikan pekerja percuma untuk golongan suami. Dalam erti kata lain, suri rumahtangga yang tidak dibayar upah bagaikan hamba domestik.

Seorang suri rumah melakukan kerja hampir setiap hari, tetapi tidak dibayar upah. Adakah ini adil? Mungkin jika pasangannya seorang tauke besar atau bekerja yang gaji yang tinggi, maka pasangan itu boleh membayarnya; tetapi bagaimana pula dengan seorang suri rumahtangga dengan pasangan yang bergaji tidak seberapa?

Jika seorang wanita berkahwin yang terpaksa bekerja di luar kerana pendapatan keluarga tidak

mencukupi untuk menampung kehidupan, maka keadaannya akan menjadi lebih teruk lagi, sama ada terpaksa buat dua kerja (dengan gaji hanya untuk satu kerja), ataupun terpaksa mengabaikan kerja rumah.

Berapakah nilai sesuatu kerja rumah? Katakan kita mengupah seorang tukang pembersih rumah mengikut jam, dengan bayaran RM 100 untuk kerja 4 jam. Jika tukang pembersih itu pekerja yang bebas (tiada majikan), dan jika dia bekerja 8 jam sehari serta 26 hari sebulan, bayaran upahnya boleh mencecah RM 5,200 sebulan. Ini adalah nilai sebenar untuk kerja rumah! Jika kita kira dengan hanya mengikut kadar gaji minimum yang amat rendah itu pun, seseorang yang melakukan kerja rumah, jika dibayar, perlu juga sekurang-kurangnya RM 1,000 sebulan.

Wanita yang menjadi suri rumahtangga, bukannya wanita yang tidak bekerja, tetapi kerja rumah yang dilakukannya tidak diiktiraf sebagai kerja.

Oleh itu, kerajaan perlu mewujudkan dasar atau undang-undang untuk mengiktirafkan kerja rumah atau kerja pengurusan rumahtangga sebagai sejenis pekerjaan. Ini bermakna sesiapa yang melakukan kerja rumah patut dibayar ganjaran yang setimpal dengan usaha yang ditaburkannya.

Kita perlu sedar bahawa, kerja rumah adalah asas kepada semua kerja pengeluaran industri dalam masyarakat moden kita ini. Kerja-kerja ini adalah penting untuk masyarakat secara keseluruhan dan tidak boleh dielakkan, maka adalah tidak adil untuk kita memeras tenaga buruh suri rumahtangga yang melakukan kerja-kerja ini tanpa dibayar apa-apa pun.

Dengan adanya pengiktirafan kerja rumah, kerajaan boleh membuat dasar untuk memastikan kerja rumah yang dilakukan oleh salah seorang pasangan keluarga yang tidak bekerja di luar, dapat dibayar sesuatu. Kerajaan boleh membayar “elaun

kerja” atau “upah sosial”, sekurang-kurangnya pada kadar gaji minimum.

Upah sosial boleh dibayar kepada sesiapa yang melakukan kerja rumah dalam sesebuah keluarga. Dalam sesuatu keluarga, tidak semestinya wanita yang menjadi suri rumahtangga, malah lelaki pun boleh melakukan kerja rumah sementara pasangan wanitanya bekerja di luar.

Upah sosial dikatakan sebagai “upah”, kerana ia ialah bayaran ganjaran kepada kerja-kerja yang dilakukan seseorang, bukannya bantuan kewangan atau sedekah kepada seseorang.

Dari segi ekonomi, upah sosial atau bayaran elaun kerja rumah kepada salah seorang pasangan keluarga yang tidak bekerja di luar, sebenarnya boleh menjamin kuasa beli masyarakat dan memantapkan pasaran domestik untuk pertumbuhan ekonomi. Jika rakyat yang merupakan pembeli barangan itu mampu belanja, pengusaha kilang dan peniaga penjualan barangan juga akan mendapat keuntungan. Perniagaan untuk peniaga hanya dapat dijamin jika kehidupan rakyat biasa dijamin, bukan sebaliknya.

Bagi keluarga dengan pasangan suami isteri yang kedua-duanya perlu bekerja di luar, kerajaan boleh juga menyediakan pembantu rumah untuk melakukan kerja-kerja rumah dalam satu tempoh masa tertentu sehari. Langkah sebegini, bukan sahaja dapat mempermudah pengurusan kehidupan pasangan suami isteri pekerja, tetapi juga dapat mewujudkan lagi peluang pekerjaan di samping membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Kerja rumah bukannya perkara yang remeh, begitu juga dengan mereka yang melakukan kerja rumah. Masyarakat kita tidak akan dapat maju ke hadapan sekiranya kita tidak menghargai usaha yang ditaburkan oleh setiap tenaga buruh dan menjamin kesejahteraan tenaga kerja. ##



PSM tawarkan alternatif lebih baik untuk rakyat Cameron Highlands

Berikut ialah jawapan Suresh Kumar, bakal calon PSM untuk kawasan Parlimen Cameron Highlands, kepada kritikan Manogaran (DAP) berkenaan dengan PSM Cameron Highlands.

Pencapaian PSM Cameron Highlands tidak dapat diukur dengan satu garis hitam atau putih (kejayaan atau kekalahan). Ukuran sebegini tidak boleh digunakan terutamanya oleh parti DAP yang tidak banyak turun padang di Cameron Highlands.

Pencapaian PSM Cameron Highlands perlu diukur dari segi kerja-kerja membina kuasa rakyat dan mengorganisasi rakyat. Ya, kami memang lantang bersuara sehingga bising seperti "tin kosong", tetapi kelantangan suara kami merangkumi analisis masalah, mengatur perjuangan massa dan menyelesaikan masalah dengan menggunakan pendekatan sosialis yang berhasrat untuk memperkasakan rakyat.



Kerja kebajikan semata-mata menghulurkan bantuan kewangan dan barangan sahaja tidak akan menyelesaikan sesuatu masalah. Begitu juga apabila mengadakan kem perubatan. Langkah-langkah ini akan menenangkan masalah ini buat seketika, tetapi punca permasalahan itu tidak akan selesai. Adalah lebih penting untuk melihat punca masalah, seperti kenapakah berlakunya banjir kilat dan kenapakah Orang Asli (OA) tidak mendapat akses perubatan yang mencukupi.

Adakah DAP melakukan kerja-kerja susulan selepas kem perubatan di Kampung Tual? Kami ada melakukan kerja-kerja susulan untuk Pos Lenjang selepas kem perubatan yang dianjurkan oleh NGO Kuasa di situ pada awal tahun ini. Kami telah cuba mengaturkan satu pesakit kronik ke Hospital Kuala Lumpur tetapi pesakit tersebut enggan meneruskan perubatan moden untuk penyakitnya pada saat-saat akhir. Kami juga menulis kepada JAKOA Lipis memohon supaya menyediakan pengangkutan untuk pesakit-pesakit yang terpaksa dirujuk ke hospital besar.

PSM Cameron Highlands bekerja dengan OA Pos Lanai untuk memperolehi injunksi mahkamah

terhadap TNB dan Kerajaan Pahang dalam menghentikan pembinaan Empangan Telom. PSM juga turut membantu mereka dalam menubuhkan Jawatankuasa Bertindak OA Pos Lanai yang terdiri daripada OA yang progresif di Pos Lanai. Jawatankuasa Bertindak ini kini sedang membina OA di sekitar kawasan mereka bukan sahaja untuk menghentikan Empangan Telom, tetapi untuk menganalisa dan menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Baru-baru ini, kami membantu sekumpulan OA di Pos Betau untuk menganalisa masalah perumahan mereka dan hasilnya diserahkan kepada JAKOA. Sebagai maklum balas, JAKOA berjanji untuk membina rumah baru untuk mereka pada tahun 2018. Janji mungkin tinggal janji, tetapi kerja-kerja yang telah dibuat telah memulakan proses melihat dan menganalisa isu-isu perumahan OA yang terlibat.

Di Pos Kuala Koyan, kami telah membantu OA untuk membuat aduan polis mengenai pencerobohan tanah adat mereka dan kini dalam proses menyerahkan surat bantahan kepada Pegawai Daerah Lipis.

Peranan Ahli Parlimen bukan hanya

untuk bercakap di Parlimen. Ahli Parlimen perlu turun padang bukan sahaja untuk memberi bantuan kebajikan, tetapi juga untuk menganalisis masalah dan bertindak untuk menyelesaikannya. Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen PSM untuk Sungai Siput) adalah contoh yang baik untuk menunjukkan bagaimana perkara ini boleh dilakukan.

Usaha Manogaran untuk mengambil kes-kes mangsa banjir dari Lembah Bertam harus dipuji. Tetapi pada masa yang sama, adalah salah bagi beliau untuk memandang rendah PSM Cameron Highlands yang telah wujud sejak tahun 2004 di Cameron Highlands, dan melakukan kerja-kerja aktivisme dan organisasi rakyat untuk bertahun-tahun lamanya.

PSM tidak payung terjun ke Cameron untuk bertanding dalam pilihanraya seperti Manogaran. Keputusan PSM Cameron untuk bertanding dalam pilihanraya buat pertama kalinya diambil pada tahun 2013, tetapi kami menarik diri dan membiarkan DAP melawan BN dalam pertarungan satu-lawan-satu. Namun kali ini, adalah lebih baik untuk DAP menarik diri dan membenarkan PSM Cameron melawan BN secara satu-lawan-satu. Kami percaya kami boleh melakukannya dengan lebih baik. ##

Pekebun kecil Blue Valley berjaya dapat tanah

Satu majlis sambutan kemenangan 4 orang pekebun kecil yang berjaya mendapat hakmilik tanah pertanian di Blue Valley, telah diadakan pada 25 September lalu.

4 orang pekebun yang telah lama mengusahakan tanah di Blue Valley, Cameron Highlands, Pahang, setelah lama menuntut hak mereka untuk bercucuk tanam, akhirnya berjaya mendapat pajakan tanah selama 20 tahun daripada pihak kerajaan. Keempat-empat orang petani ini bergabung di bawah Jawatankuasa Tanah, Rumah dan Gerai (JTRG) yang ditubuhkan atas inisiatif PSM Cameron Highlands.

merupakan Setiausaha JTRG, kejayaan 4 orang pekerbun di Blue Valley mendapat tanah pertanian, adalah hasil perjuangan rakyat bawahan yang cuba mempertahankan hak mereka dengan menggunakan kuasa rakyat. "Sekiranya pekebun-pekebun kecil ini berdiam diri dan tidak menyuarakan tuntutan mereka, serta tidak mengambil tindakan untuk memberi tekanan kepada pihak kerajaan, tidak mungkin mereka akan mendapat hakmilik tanah," begitu katanya Suresh.

"Hanya kuasa rakyat dapat menegakkan hak rakyat!" ##

Majlis sambutan kemenangan ini diadakan di Blue Valley, berdekatan dengan tanah kebun 4 orang pekebun kecil tersebut. Majlis ini juga merupakan program penutup untuk Jelajah PSM Menuju PRU-14 di Cameron Highlands. Turut hadir bersama ialah anggota JTRG, masyarakat Orang Asli dari Lojing dan juga ahli-ahli PSM.

Menurut Suresh Kumar, Setiausaha PSM Cameron Highlands yang juga



Petani Tanah Hitam diancam pengusiran

15 orang petani Tanah Hitam, Perak menghadapi ancaman pengusiran paksa daripada pemaju Saujana Amanjaya Properties Sdn Bhd sejak bulan Mei lalu.

Salah seorang ejen pemaju menunjukkan surat perlantikan dan mendesak petani supaya memberikan pemilikan kosong. Dia mengugut bahawa jika petani gagal berbuat demikian, maka pemaju akan mengambil tindakan untuk menolak pokok-pokok tanaman. Petani-petani tersebut sedang menanam pokok kelapa sawit, keladi dan buah-buahan di situ.

Pada 12 Julai lalu, petani-petani Tanah Hitam menghantar memorandum kepada Menteri Besar Perak, untuk memohon campurtangan supaya tanah itu diberikan hak milik kepada petani yang sedang mengusahakan tanah di situ.

Pada 4 Ogos lalu, petani-petani mendapat surat daripada Menteri Besar, Zambry Abdul Kadir, yang menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan Pejabat Tanah Kinta untuk menyiasat aduan ini dan akan mengemukakan laporan kepadanya.

Pada 6 September lalu, petani-petani Tanah Hitam bersama dengan PSM, telah berjumpa dengan Ketua Penolong Pegawai Daerah Kinta untuk mendapat maklumat lanjut tentang arahan MB tersebut. Pegawai telah menetapkan tarikh 20 September untuk para petani berjumpa dengan Ketua Penolong Pegawai Daerah.



Latar belakang sejarah petani Tanah Hitam mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL)

15 orang petani Tanah Hitam yang disebut di atas pernah diusir pada tahun 2001. Pada masa itu, mereka menanam di tanah rata yang berhampiran kawasan sekarang ini, untuk selama 40 tahun. Pada masa itu, mereka diusir oleh dan Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, dan kemudiannya oleh pemaju Memori Salju. Setelah campurtangan Menteri Besar masa itu, Tajol Rosli, sebahagian tanah telah diambil balik daripada Memori Salju dengan memulangkan premium tanah kepada syarikat tersebut. Petani-petani pula diberikan TOL. Itulah tanah yang mereka sedang bercucuk tanam sehingga hari ini. Petani mendapat TOL sehingga tahun 2009.

TOL merupakan satu penilaian kepada penyewa sebelum diberikan hak milik tanah. Namun, petani Tanah Hitam bukan sahaja tidak dapat hak milik tanah, tetapi hak milik tanah itu diberikan pula kepada Saujana Amanjaya Properties Sdn Bhd. Oleh itu, petani Tanah Hitam sedang diancam pengusiran paksa lagi. ##

Pilihanraya Jerman

Negara Jerman telah mengadakan pilihanraya persekutuan pada 24 September lalu untuk memilih ahli-ahli Bundestag (Parlimen Persekutuan Jerman). Pakatan parti yang terdiri daripada Kesatuan Demokratik Kristian (CDU) dan Kesatuan Sosial Kristian di Bavaria (CSU), di bawah pimpinan Angela Merkel, masih kekal sebagai parti terbesar dalam parlimen, walaupun jumlah kerusi yang dimenangnya telah berkurang sebanyak 65 dan peratusan undi juga turun sebanyak 8.6 titik peratusan. CDU/CSU menang sebanyak 246 daripada 709 kerusi dalam parlimen Jerman. Angela Merkel muncul sebagai Canselor (Ketua Kerajaan Jerman) untuk kali keempat secara berturut-turut sejak tahun 2005.

Jerman menggunakan sistem perwakilan berkadar campuran-ahli dalam pilihanraya Bundestag, iaitu sejenis sistem pengundian perwakilan berkadar yang digabung dengan “undian terbanyak undi pemenang” (*first-past-the-post*). Setiap pengundi mempunyai dua undi, satu untuk kawasan pilihanraya dan satu lagi untuk senarai parti. 299 orang ahli parlimen akan dipilih melalui undi kawasan pilihanraya dengan kaedah “undian terbanyak undi pemenang”; sementara undi yang kedua akan digunakan untuk mewujudkan keputusan yang berkadar (iaitu jumlah kerusi mengikut peratusan undi yang diperoleh) pada keseluruhannya dalam parlimen.

Apa yang membimbangkan dengan keputusan pilihanraya parlimen Jerman adalah, kemunculan semula kuasa politik berhaluan kanan lampau (yang terdiri daripada golongan yang berfahaman mirip dengan Nazi) dalam sistem perundangan negara tersebut sejak tahun 1945. Parti Alternatif Untuk Jerman (AfD), sebuah parti yang berfahaman populis kanan dan anti-imigran, telah berjaya memenangi sebanyak 94 kerusi dalam Bundestag,



Ancaman politik kanan lampau semakin ketara

menjadikannya parti yang ketiga besar dalam Parlimen Jerman. Ini merupakan satu amaran politik yang serius bahawa pengaruh puak berhaluan kanan lampau semakin berkembang hebat di negara Eropah yang paling kuat pada masa kini.

AfD telah berjaya menarik banyak undi daripada golongan yang tidak berpuas hati dengan sistem politik yang sedia ada, bukannya dengan membawa visi politik perubahan yang sebenar, tetapi dengan mempermainkan sentimen nasionalis sempit, perkauman, xenofobia (takut pada migran) dan islamofobia. Isu pelarian telah dipermainkan oleh AfD untuk meraih undi. Merkel yang mengamalkan dasar yang lebih longgar dalam menerima pelarian telah diserang oleh golongan kanan lampau. Dengan kemunculan puak kanan lampau dalam Parlimen selepas pilihanraya kali ini, akan wujudnya tekanan untuk kerajaan Jerman mengetatkan lagi syarat dan had jumlah orang dalam penerimaan pelarian. Pelarian telah dimangsakan untuk kepentingan politik golongan kanan lampau.

Parti Demokratik Sosial Jerman (SPD), parti politik yang paling tua di Jerman, telah mencatatkan pencapaian pilihanrayanya yang paling teruk sejak tahun 1949, dengan hanya memperoleh 20.5% undi dalam pengundian mengikut senarai parti, dan mendapat hanya 153 daripada 709 kerusi dalam parlimen. SPD menyertai kerajaan campuran yang dipimpin Merkel pada penggal sebelum ini (2013-2017). Penyertaan parti kiri tengah atau demokrat sosial dalam kerajaan campuran yang dipimpin parti berhaluan kanan, nampaknya hanya akan terus menjatuhkan reputasi politik demokrat sosial.



Parti Kiri (*Die Linke*), walaupun memperlihatkan pertambahan sedikit dalam perolehan undi dan jumlah kerusi dalam parlimen, iaitu berjaya memenangi 69 kerusi dengan peningkatan 0.6 titik peratusan dalam perolehan undi senarai parti, tetapi gagal mendapatkan sokongan daripada rakyat Jerman yang tidak berpuas hati dengan golongan berkuasa yang memerintah negara tersebut. Parti Kiri hanya menjadi parti kelima besar, selepas CDU/CSU, SPD, AfD dan Parti Demokratik Bebas (FDP).

Parti Kiri telah gagal menarik sokongan daripada pengundi yang tidak berpuas hati dengan SPD, malah lebih 1 juta undi yang hilang daripada SPD pergi ke AfD bukannya Parti Kiri. Parti Kiri mendapat sambutan yang baik di kawasan bandar dan di negeri-negeri bahagian Barat Jerman. Namun, di wilayah Timur Jerman yang merupakan kubu kuat tradisionalnya, Parti Kiri telah hilang banyak undi sementara AfD menunjukkan kebangkitan yang signifikan. Ini jelas menunjukkan bahawa undi pembangkang telah

menjurus ke politik kanan, bukannya politik kiri. Ini merupakan satu amaran kepada gerakan politik kiri di Jerman.

Merkel akan cuba membentuk kerajaan campuran “Jamaica” (warna bendera Jamaica adalah hitam, kuning dan hijau) yang menggabungkan CD/CSU (hitam), FDP (kuning) dan Parti Hijau. FDP, sebuah parti yang mengamalkan ideologi pro-pasaran, akan cuba memperkenalkan lebih banyak dasar ekonomi neoliberal yang menjaga kepentingan kapitalis besar, tetapi Merkel mungkin akan teragak-agak untuk melancarkan serangan neoliberal yang lebih hebat seperti pengurangan perbelanjaan awam, selepas pencapaian pilihanraya yang tidak memuaskan. Kerajaan campuran “Jamaica” barangkali akan meneruskan dasar-dasar kerajaan sebelum ini, selagi pendapatan kerajaan daripada percukaian masih tinggi dan eksport pengeluaran Jerman masih terus bertumbuh, supaya mewujudkan kestabilan politik untuk kelas pemerintah Eropah.

Walau bagaimanapun, untuk jangka masa yang panjang, masa depan politik Jerman masih tidak menentu. Kebangkitan kuasa politik berhaluan kanan lampau akan memaksa kerajaan Jerman untuk menyekat imigrasi, mempercepatkan deportasi migran tanpa dokumen dan peningkatan militarisasi di sempadan Kesatuan Eropah untuk menghalang kemasukan pelarian. Suasana politik Jerman akan terus diracuni oleh retorik keganasan dan perkauman secara terbuka dengan kehadiran ahli-ahli Parlimen AfD yang berfahaman kanan lampau.

Kemunculan politik kanan lampau merupakan sebahagian daripada jelmaan krisis sistem kapitalis global. Golongan berhaluan kanan lampau menggunakan retorik yang menyebar kebencian berasaskan perkauman dan agama, telah menarik sebahagian besar sokongan daripada mereka yang menjadi mangsa kepada krisis sistem ekonomi kapitalis. Bahayanya adalah masyarakat akan semakin berpecah-belah mengikut kaum dan agama, sehingga melemahkan gerakan rakyat untuk menuntut perubahan sosial yang benar-benar membebaskan rakyat daripada cengkaman sistem kapitalis. ##

Berjuanglah Orang Asli!

sebuah cerpen
oleh K. Z. Iskandar Zulfaqar

Suasana hari ini di sebuah pos orang Asli tidak seperti biasa. Hari yang selalunya indah bertemankan kicauan burung serta siulan bayu belantara yang berbisik berubah sepenuhnya. Bunyi bising yang mengganggu kesemua penduduk mencemarkan hari tersebut.

Kelihatan beberapa jentera berat telah menceroboh masuk ke dalam hutan dan menumbangkan pokok-pokok balak yang teguh berdiri di situ. Semua penduduk di situ keluar daripada rumah untuk melihat apakah yang sedang berlaku.

“Apa yang sedang berlaku ni, Tok Batin?” tanya Dompok, salah seorang anak muda Orang Asli yang menetap di pos itu.

“Bersabar semua. Saya sendiri akan bersemuka dengan mereka.” Tok Batin cuba menenangkan kesemua masyarakat Orang Asli yang semakin gelisah dengan kehadiran jentera berat tersebut.

Beberapa minit selepas itu, sebuah kenderaan pacuan empat roda tiba di pos itu. Seorang lelaki lengkap memakai kemeja bersama tali leher turun daripada kenderaan tersebut dan terus mendekati Tok Batin.

“Selamat sejahtera, Tok Batin. Kami datang ke sini untuk menebang balak-balak yang ada di dalam hutan ini. Kami juga mahu Tok Batin dan semua orang lain untuk meninggalkan kawasan hutan ini.” Lelaki itu menjelaskan tujuan mereka datang kepada Tok Batin dan juga semua masyarakat Orang Asli yang lain.

“Maafkan saya, encik. Tindakan encik ini tidak betul. Encik tidak boleh sesuka hati menghalau kami dari sini. Pokok-pokok balak ini juga bukannya milik encik, jadi encik tidak boleh menebang pokok-pokok balak ini.” Tok Batin cuba mempertahankan hak Orang Asli yang lain dan juga turut mempertahankan nasib pokok-pokok balak yang bakal dinoda tidak lama lagi.

“Ini arahan daripada kerajaan negeri. Tok Batin jangan cakap banyak.” Lelaki itu mula meninggikan nada suaranya menandakan dia betul-betul marah kepada Tok Batin yang cuba untuk menghalang tugasnya.

Hati Tok Batin dan Orang Asli yang lain mulai gusar. Mereka bimbang jika lelaki itu bersama pekerja-pekerjanya yang lain meneruskan niat mereka untuk menebang pokok-pokok balak dan juga merobohkan penempatan mereka.

“Kita tidak boleh terus diam begini, Tok Batin. Mereka sudah melampau. Mereka akan mengganggu tempat kita. Mereka juga akan memusnahkan hutan ini. Ini tidak boleh dibiarkan.” Dompok cuba meminta Tok Batin untuk bertindak kerana dia tidak sanggup melihat orang-orangnya dihalau dan hutan tempat mereka itu dimusnahkan.

Tok Batin hanya terdiam. Kelu lidahnya untuk berkata-kata. Dia tidak tahu harus berbuat apa sekarang. Apa yang dia tahu hanyalah dia perlu berjuang menghalau kesemua orang itu daripada terus merobohkan hutan serta penempatan penempatan mereka.

“Jangan diam saja Tok Batin. Biar saya saja yang halang mereka,” kata Dompok dengan penuh semangat untuk mengusir orang-orang itu daripada mengganggu kehidupan mereka.

“Betul tu, Tok Batin. Ayuh kita lawan sama-sama.” Kesemua masyarakat Orang Asli di pos itu bersorak memberikan semangat kepada Dompok dan ingin bersama dengannya untuk mengusir orang-orang yang ingin mengganggu hutan dan penempatan mereka itu.

“Baiklah. Wahai orang-orang yang sombong, pergi kamu semua dari sini. Jangan sesekali ganggu hidup kami di sini. Kami akan tentang kamu habis-habisan.” Tok Batin mula bersuara dan memberanikan diri untuk mengusir orang-orang itu.



“Kurang ajar!” Lelaki berkemeja dan bertali leher itu terus memaki hamun Tok Batin dan mengarahkan orang-orangnya untuk meneruskan kerja menebang balak di hutan itu.

Jentera berat mula digerakkan untuk merempuh kayu-kayu balak yang gagah berdiri di belantara itu. Perkara itu memaksa penduduk Orang Asli mengundur beberapa tapak ke belakang. Mereka risau jika nyawa mereka turut terancam.

Jentera berat yang bergerak itu mulai beralih arah. Ianya menuju ke arah beberapa buah rumah Orang Asli yang terdapat di situ. Tanpa belas kasihan, jentera berat itu terus merempuh salah sebuah rumah yang hanya diperbuat daripada kayu.

“Kau nak cabar aku kan? Rasakan pembalasan ini, Tok Batin.” Lelaki berbaju kemeja dan bertali leher itu ketawa besar melihat masyarakat Orang Asli di situ sedang panik.

Rumah yang dirempuh jentera berat itu roboh sepenuhnya. Mila, pemilik rumah itu menangis teresak-esak memikirkan nasibnya dan keluarga kerana mereka sudah hilang tempat berlindung.

“Ini sudah melampau. Hentikan semua ini sekarang juga.” Tok Batin meninggikan nada suaranya untuk memarahi lelaki berbaju kemeja serta bertali leher itu.

Lelaki itu seterusnya mendekati Tok Batin sambil tersenyum sinis. Tok Batin hanya mampu menahan sabar. Jika diikutkan hati, sudah lama dia ingin menumbuk muka lelaki sombong itu. Namun, Tok Batin ingin bersikap profesional kerana jika dia berbuat demikian, sudah tentu dia akan disumbat ke dalam penjara atas dakwaan mengganggu tugas penjawat awam.

“Kau mampu buat apa, Tok Batin? ini keputusan daripada kerajaan negeri. Kau tidak akan mampu untuk menentang.” Lelaki itu sekali lagi tersenyum melihat Tok Batin tidak mampu berbuat apa-apa.

“Siapa kata mereka tidak mampu buat apa-apa.” Kedengaran suara seorang lelaki dari arah belakang lelaki itu.

Lelaki itu terus berpaling ke belakang dan mendapati beberapa orang ahli sebuah parti berhaluan kiri yang konsisten memperjuangkan hak rakyat bersama dua orang ahli NGO yang turut memperjuangkan hak rakyat marhaen.

“Kami akan perjuangkan hak Orang Asli di pos ini dan kami juga akan pastikan cita-cita tamak kamu semua ini tidak kesampaian,” kata salah seorang daripada ahli parti berhaluan kiri itu.

“Kurang ajar! Jangan ingat kau dah menang. kami akan kembali semula.” Lelaki itu kemudiannya mengarahkan semua orangnya untuk pergi meninggalkan hutan itu.

Kehadiran ahli-ahli parti berhaluan kiri telah membawa suatu harapan baru kepada masyarakat Orang Asli yang menetap di pos itu. Mereka telah menjadi penghalang kepada cita-cita kleptokrasi kerajaan untuk membolot sumber hutan di pos Orang Asli itu. ##





Mod pengeluaran kapitalis adalah berasaskan sistem pemilihan swasta atau pemilikan persendirian (*private ownership*), iaitu sumber-sumber pengeluaran (modal, tanah, kilang, mesin, bahan mentah dan pekerja) dimiliki oleh syarikat korporat dan golongan kapitalis yang kaya.


Di bawah sistem kapitalis, segala ekonomi dikuasai oleh kelas kapitalis. Pekerja dan golongan bawahan diperas untuk menjana keuntungan yang dibolot oleh kapitalis.

Tujuan utama aktiviti ekonomi di bawah sistem kapitalis, adalah **memaksimumkan keuntungan**. Keuntungan menjadi motif untuk kapitalis melaburkan modalnya.

Logik penggerak untuk sistem ekonomi kapitalis adalah **pengumpulan modal** melalui penjanaan keuntungan.

Pengumpulan modal menyebabkan kekayaan masyarakat tertumpu dalam tangan segelintir kecil golongan kaya sahaja, pada masa yang sama memiskinkan kelas pekerja.

Keuntungan kapitalis ataupun **nilai surplus** dijana melalui pemerasan (eksploitasi) ke atas kelas pekerja.



Adanya satu fenomena yang aneh dalam masyarakat kapitalis, apabila produktiviti masyarakat semakin meningkat hasil daripada perkembangan teknologi, semakin ramai pekerja hilang kerja kerana digantikan mesin-mesin yang boleh melakukan kerja mereka, tetapi masih ramai lagi pekerja yang bekerja dengan masa kerja yang panjang. Pengangguran berleluasa yang disebabkan oleh semakin ramai pekerja yang hilang kerja, membolehkan kapitalis menekan lebih rendah lagi gaji pekerja, dan memaksa pekerja bekerja dengan masa kerja yang lebih panjang.

Ekonomi kapitalis terdiri daripada **pengeluaran komoditi** secara berleluasa. Komoditi adalah hasil pengeluaran untuk jual dan beli.

Segala benda dan perkara dalam masyarakat kapitalis dijadikan komoditi, barangan yang boleh dijual dan dibeli, termasuklah tenaga kerja. Semua aspek kehidupan manusia telah ditukarkan menjadi komoditi yang boleh dijualbeli, termasuklah kesihatan, pendidikan, kebajikan sosial dan sebagainya.

Dalam masyarakat kapitalis, organisasi ekonomi adalah secara sosialisasi, tetapi bentuk pemilikan cara pengeluaran adalah sistem pemilikan swasta. Ini telah mewujudkan satu percanggahan/kontradiksi yang membawa kepada konflik yang berlarutan.



Pertembungan antara kelas pekerja dengan kelas kapitalis tidak boleh dielakkan. Kelas kapitalis sentiasa mencari jalan untuk menambahkan keuntungan (khususnya dengan cara memeras dan menindas pekerja), manakala pengeluar sebenar, iaitu kelas pekerja, sentiasa berjuang untuk hidup, menuntut hak dan membebaskan diri daripada pengasingan buruh.

Perluasan kuasa pengeluaran kapitalis bermakna **alienasi** atau pengasingan untuk pekerja, iaitu kehilangan sifat kemanusiaan dalam pekerja.

Persaingan menggerakkan sistem kapitalis, tetapi persaingan akan membawa kepada **monopoli**.



- Masyarakat kapitalis wujud apabila:
- i. **Pengeluar** (tenaga buruh) dipisahkan **daripada sumber-sumber pengeluaran**. Ini bermakna sumber-sumber pengeluaran (tanah, kilang, mesin, modal dan sebagainya) tidak dimiliki oleh tenaga buruh.
 - ii. Kemunculan **kelas kapitalis** atau kelas borjuasi.
 - iii. Kemunculan **kelas pekerja** atau kelas proletariat.

Penumpuan dan pemusatan modal menyebabkan kapitalisme monopoli. **Kapitalisme monopoli** membawa kepada **imperialisme**.



Walaupun sistem ekonomi kapitalis menjana kekayaan masyarakat yang hebat berbanding dengan sistem ekonomi sebelumnya, tetapi pemusatan kekayaan dalam tangan segelintir kecil kelas kapitalis dan eksploitasi yang berterusan ke atas sumber bumi, mendatangkan kesan-kesan buruk yang memudaratkan masyarakat manusia, antaranya:

- Jurang kekayaan yang semakin melebar antara kelas yang memerintah (memeras) dengan kelas yang diperintah (diperas).
- Penjanaan barangan yang berlebihan membawa kepada pembaziran sumber-sumber bumi.
- Pencemaran dan ancaman kepada alam sekitar.
- Ancaman peperangan akibat daripada persaingan kelas kapitalis untuk penguasaan ke atas sumber pengeluaran.



Aktiviti ekonomi kapitalis untuk memaksimumkan keuntungan mewujudkan trend-trend seperti:

- i. **Pengeluaran berlebihan**
- ii. Penggunaan / **permintaan yang tidak cukup**
- iii. **Pengumpulan modal yang berketerlaluan**

Trend-trend ini menimbulkan **krisis ekonomi**.

Krisis ekonomi kapitalis bukan disebabkan oleh kekurangan, tetapi berlebihan.

Krisis kapitalis sentiasa berlaku dan berulang dalam kitaran ekonomi. Setiap kali krisis berlaku akan menjadi lebih serius berbanding sebelumnya, dan kelas pekerja yang selalunya dimangsakan untuk menyelamatkan sistem kapitalis apabila terjadi krisis ekonomi.

Perkembangan ekonomi kapitalis di seluruh dunia adalah tidak seimbang. Wujudnya negara kapitalis yang maju dan negara yang kurang maju. Negara kapitalis menjadi maju melalui pemerasan ke atas negara yang kurang maju.

Pemusatan kekayaan dalam tangan kelas kapitalis dan **pemerasan berterusan** ke atas kelas pekerja melebarkan jurang antara yang kaya dengan yang miskin, memburukkan lagi ketidakadilan dalam masyarakat. ##



Jelajah PSM menuju PRU-14

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah memulakan kempen Jelajah Menuju PRU-14 pada 2 September lalu di Sungai Siput. Rombongan kempen jelajah kemudiannya telah singgah di kawasan-kawasan yang bakal ditandingi PSM, termasuklah Jelapang, Buntong, Menglembu, Tronoh, Malim Nawar, Cameron Highlands, Subang, Kota Damansara dan sebagainya.

Pasukan Jelajah PSM telah bergerak bersama ahli-ahli PSM kawasan setempat untuk mengedarkan risalah penerangan tentang PSM di samping memperkenalkan bakal calon PSM yang akan bertanding dalam Pilihanraya Umum (PRU) di

setiap kawasan yang dikunjungi.

Sambutan di kalangan rakyat tempatan untuk kempen Jelajah PSM amat menggalakkan. PSM hanya meletakkan calon di tempat yang telah berkhidmat dan melakukan kerja-kerja organisasi massa. Di samping itu, hanya calon PSM sahaja yang akan mengisytiharkan harta sebelum pilihanraya demi menunjukkan hasrat PSM membawa politik baru yang bebas daripada penyelewengan kuasa. PSM menawarkan alternatif politik baru yang benar-benar membawa isu rakyat biasa ke depan.



Malim Nawar, Perak



Buntong, Perak



Tronoh, Perak



Sungai Siput, Perak



Jelai, Pahang



Subang, Selangor



Jelapang, Perak



Menglembu, Perak



Sri Muda, Selangor